

**PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PEMELIHARAAN  
DAN PEMULIHARAAN: KAJIAN DI TAPAK ARKEOLOGI  
BUKIT TENGKORAK, SEMPONA, SABAH**

FADZIRAH BINTI SAMMAN

UNIVERSITI  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN  
2021  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN



## **FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN:  
KAJIAN DI TAPAK ARKEOLOGI BUKIT TENGKORAK, SEMPORNA, SABAH.**

**NAMA PENSYARAH:**

**DR. DAENG HALIZA BT DAENG JAMAL**

**NAMA PELAJAR:**

**FADZIRAH BINTI SAMMAN**

**NO MARTIK:**

**C17A0048**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**FYP FTKW**

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja dalam laporan ini telah dijalankan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Kelantan. Laporan ini adalah asal dan hasil kerja saya sendiri, melainkan menunjukkan atau pengakuan kerja sebagai dirujuk bukan akademik bagi apa-apa kelayakan lain.

<input checked="" type="checkbox"/> /	<b>AKSES TERBUKA</b>	Saya bersetuju bahawa laporan ini dibuat secara terbuka dan didapati dalam hardcopy atau talian akses terbuka
<input type="checkbox"/>	<b>SULIT</b>	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972
<input type="checkbox"/>	<b>TERHAD</b>	Mengandungi maklumat terhad seperti yang ditentukan oleh organisasi dimana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah harta Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan ada hak untuk membuat salinan bagi tujuan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:



(Tanda tangan pelajar)

(Tanda tangan penyelia)

Tarikh

Nama : Dr Daeng Haliza Daeng  
Jamal

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang” Segala puji dan syukur kepada Ilahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. Pertamanya, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas segala rahmat-Nya dan izin-Nya, penyelidikan dan penulisan Projek Akhir ini dapat diselesaikan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan buat penyelia yang mengajar saya, Dr. Daeng Haliza binti Daeng Jamal atas segala bimbingan, teguran dan nasihat secara ikhlas serta sokongan moral sepanjang saya menyelesaikan penyelidikan ini. Semoga segala budi dan jasa baik yang disumbangkan oleh beliau akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT. Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan buat ibu bapa saya iaitu Encik Samman bin Omar Basah dan Puan Salmiah binti Sabdullah serta keluarga tercinta kerana memberikan semangat dan sokongan yang berterusan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih kepada pembantu penyelidik dan rakan-rakan yang banyak menghulurkan bantuan dan pertolongan ketika saya memerlukannya. Akhir kata, segala yang buruk datangnya daripada kelemahan saya sendiri dan segala yang baik datangnya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Fadzirah binti Samman

S.K Lihak-Lihak,

WDT No 46,

91309 Semporna,

Sabah

E-mel: [fadzirah.c17a0048@umk.edu.my](mailto:fadzirah.c17a0048@umk.edu.my)

**ISI KANDUNGAN**

	<b>Halaman</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	vii
<b>ABSTRAK</b>	viii
<b>ABSTRACT</b>	ix
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan kajian	3
1.3 Persoalan kajian	4
1.4 Objektif kajian	4
1.5 Skop Kajian	4
1.6 Kepentingan kajian	5
1.7 Definisi Istilah	6
1.8 Organisasi Penulisan Bab	8
<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	9
2.2 Tapak Arkeologi	9

2.3	Kerangka Teoritikal	22
2.4	Kesimpulan	24
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1	Pengenalan	25
3.2	Reka Bentuk Kajian	26
3.3	Kaedah Kualitatif	26
3.4	Pengumpulan Data	26
3.5	Persampelan Kajian	28
3.6	Instrumen Kajian	28
3.7	Kaedah Analisis Data	29
3.8	Kesimpulan	30
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>		
4.1	Pengenalan	31
4.2	Analisis Data dan Temubual Responden	31
4.3	Sejarah Perkembangan Bukit Tengkorak	32
4.4	Artifikat di Bukit Tengkorak	35
4.5	Kepentingan Bukit Tengkorak	40
4.6	Langkah Pemeliharaan dan Pemuliharaan	43
4.6.1	Cadangan Penambahbaikan Pemeliharaan dan Pemuliharaan di Bukit Tengkorak	47
4.7	Analisis Teori	49

<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN DAN PENUTUP</b>	
5.1	Rumusan	50
5.2	Penutup	52
<b>RUJUKAN</b>		53
<b>LAMPIRAN</b>		
Lampiran A	Soalan Temu Bual Responden	57
Lampiran B	Transkrip Temu Bual Responden	58
Lampiran C	Surat Kebenaran Menemubual	71

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## SENARAI JADUAL

<b>No Jadual</b>		<b>Halaman</b>
<b>Jadual 4.1</b>	Kod responden dan huraiannya	32

## SENARAI RAJAH

<b>No Rajah</b>		<b>Halaman</b>
<b>Rajah 2.1</b>	Kerangka Teoritikal	23
<b>Rajah 3.1</b>	Carta aliran proses analisis data	31
<b>Rajah 4.1</b>	Peta Lokasi Bukit Tengkorak	35
<b>Rajah 4.2</b>	Serpihan Tembikar	38
<b>Rajah 4.3</b>	Dapur kayu diperbuat daripada tanah liat ( <i>Lapohan</i> )	39
<b>Rajah 4.4</b>	Jenis alat batu Beliung yang dijumpai di Bukit Tengkorak.	40
<b>Rajah 4.5</b>	Sisa-sisa tulang ikan yang ditemui di Bukit Tengkorak.	40
<b>Rajah 4.6</b>	Lawatan SMK Balung, Tawau ke Bukit Tengkorak	42
<b>Rajah 4.7</b>	Lawatan Tabika Perpaduan Taman Sri Balung, Tawau	43
<b>Rajah 4.8</b>	Kemudahan Anak Tangga	46
<b>Rajah 4.9</b>	Wakaf	46
<b>Rajah 4.10</b>	Papan kenyataan Bukit Tengkorak	47
<b>Rajah 4.11</b>	Vandalisme	48

## Penglibatan Komuniti dalam Pemeliharaan dan

### Pemuliharaan: Kajian di Tapak Arkeologi

Bukit Tengkorak, Semporna,

Sabah

### ABSTRAK

Pemeliharaan adalah perbuatan atau proses melakukan tindakan bagi mengekalkan bentuk sedia ada, integriti dan bahan sesebuah bangunan atau struktur, dan bentuk sedia ada serta tumbuhan pelindung sesuatu tapak manakala pemuliharaan sebagai proses memulihara sesuatu tempat supaya kepentingan kebudayaan dapat dikekalkan. Arkeologi merupakan satu disiplin yang mengkaji aktiviti dan kebudayaan masyarakat prasejarah berdasarkan rekod-rekod tidak bertulis seperti tinggalan-tinggalan artifak, sisa makanan, tempat tinggal, kawasan perkuburan atau tinggalan fizikal yang dapat dikesan di sesuatu tapak. Antara tapak arkeologi yang terdapat di Sabah ialah Bukit Tengkorak. Bukit Tengkorak merupakan salah satu tapak arkeologi yang memberi kepentingan dari segi warisan dan pelancongan di Sabah. Hasil penelitian, terdapat beberapa permasalahan yang dapat dikaji iaitu kepentingan menjaga tapak arkeologi ini kurang disedari masyarakat khususnya masyarakat setempat. Bukit Tengkorak juga tidak dapat dipelihara dan dipulihara dengan baik kerana masalah vandalisme oleh pelawat yang berkunjung ke Bukit Tengkorak. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti artifak-artifak di Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah; menghurai kepentingan Bukit Tengkorak terhadap masyarakat di sekitar; dan menganalisis penglibatan komuniti setempat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak. Kaedah kajian yang digunakan untuk mendapatkan data adalah kaedah kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual. Hasil daripada pemerhatian dan temubual yang telah dijalankan, penduduk setempat dapat memberikan penerangan mengenai artifak yang dijumpai di Bukit Tengkorak. Hal ini menunjukkan bahawa mereka peka dar<sup>iv</sup> ngambil tahu sejarah dan warisan mereka. Selain itu, pemeliharaan dan pemuliharaan dijalankan di tapak ini turut melibatkan kerjasama daripada penduduk setempat. Kepentingan Bukit Tengkorak terhadap masyarakat sekitar adalah sebagai penjana ekonomi dan pendidikan luar bilik darjah.

## **Penglibatan Komuniti dalam Pemeliharaan dan**

## **Pemuliharaan: Kajian di Tapak Arkeologi**

**Bukit Tengkorak, Semporna,**

**Sabah**

### **ABSTRACT**

Preservation is an act or process to maintaining a form, integrity and the material of monument or structure, and a form with plant of an area as for conservation is a process to conserve a place in order maintaining the importance of culture. Archaeology is a discipline that review an activity and culture in a prehistory society due to records such as artifacts, molusk remnants, place to stay, burial area or physical living that can be traces in an area. The archaeological site in Sabah is Bukit Tengkorak. Bukit Tengkorak is one of archaeological site that give an importance in heritage and tourism in Sabah. Results from study, there were various problems can be studied in this research which are the society are lack of the importance of safeguarding this archaeological sites. Bukit Tengkorak is also can't be preserve and conserve because of vandalism by the visitor who is visiting the Bukit Tengkorak. This research is to identify the artifacts in Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah; identify the important of Bukit Tengkorak to the local society; and to analysis the involvement of local society in safeguarding Bukit Tengkorak. The method use in this research is qualitative which are using observation and interview. Results from the observation and interview, society giving explanatory about the artifacts found in Bukit Tengkorak. This shows that they are more sensitive and cared about their history and heritage. Other than that, preservation and conservation in this area also involving the collaboration of society. The importance of Bukit Tengkorak to society are as economic generator and educational outside the class.

## BAB 1

### PENDADULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Zaman Neolitik yang terdapat di Malaysia telah bermula kira-kira 7,000 tahun dahulu. Zaman Neolitik turut dikenali sebagai Zaman Batu. Hal ini kerana masyarakat pada zaman Neolitik ini telah mula mencipta alat kegunaan harian daripada batu. Mereka mencipta kapak, beliung dan pisau daripada batu. Alatan-alatan seperti ini digunakan untuk memburu dan bercucuk tanam. Mereka juga membuat alat tembikar yang diperbuat daripada tanah liat. Tembikar yang dihasilkan akan digunakan dalam kegiatan harian mereka seperti memasak dan menyimpan air. Masyarakat pada Zaman Neolitik telah hidup secara tetap dimana mereka mendirikan rumah untuk dijadikan sebagai tempat tinggal. Rumah yang didirikan biasanya terletak di tepi sungai atau laut. Majoriti tapak kebudayaan Neolitik yang ditemui terdiri daripada gua atau pelindung gua dan kadangkala tapak terbuka di tebing sungai (Chia, 2007).

Penempatan rumah di kawasan tepi laut atau sungai masih lagi diamalkan oleh kebanyakan masyarakat Bajau yang ada di Semporna pada hari ini. Masyarakat pada zaman Neolitik membina rumah dan hidup secara tetap ditempat tersebut kerana mereka perlu menjaga tanaman dan ternakan mereka. Mereka juga membina benteng untuk melindungi kawasan mereka daripada binatang liar. Selain itu, penempatan mereka di kawasan tepi sungai dan laut memudahkan mereka untuk menangkap ikan dan menjalankan aktiviti perdagangan.

Bukit Tengkorak merupakan salah satu tempat penemuan zaman prasejarah yang terdapat di Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan kerana penemuan-penemuan dan nama Bukit Tengkorak terdapat di dalam silibus pembelajaran buku teks subjek Sejarah Tingkatan satu di Malaysia. Selain Bukit Tengkorak, penemuan zaman prasejarah iaitu zaman Neolitik di Malaysia terdapat di Gua Niah di Sarawak, Gua Cha, Kelantan dan banyak lagi kawasan-kawasan penemuan Zaman Neolitik di Malaysia. Penemuan yang terdapat di Gua Cha adalah penemuan pengebumian manusia. Tetapi kajian ini tertumpu

kepada Bukit Tengkorak sahaja. Menurut Chia (2007), Sabah pula, kebanyakan tapak Neolitik yang telah ditemui dan dikaji terletak di kawasan timur manakala majoriti tapak Neolitik di Sarawak yang dikaji terletak di kawasan pedalaman.

Bukit Tengkorak merupakan tapak arkeologi yang terpenting di Malaysia. Selain itu, ia juga merupakan tapak arkeologi yang terpenting di Asia Tenggara kerana hasil penyelidikan arkeologi dan ekskavasi menunjukkan bahawa Bukit Tengkorak merupakan salah satu tapak pembuatan tembikar tanah yang terbesar di Asia Tenggara pada Zaman Neolitik. Sumber tanah liat bagi pembuatan tembikar dan serpihan tembikar tanah yang berusia 3,000 tahun dahulu turut ditemui di Bukit Tengkorak. Tembikar awal berusia sekitar 3,000 tahun di Bukit Tengkorak terdiri daripada tembikar tanpa lakaran dan bersalut merah dalam bentuk tempayan, mangkuk dan dapur (Chia, 2007). Penemuan tembikar di Bukit Tengkorak mempunyai persamaan dengan tembikar-tembikar yang ditemui di Indonesia dan Filipina. Hal ini jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan perdagangan yang berlaku pada zaman itu. Menurut Chia (2007), penemuan ini memberi bukti yang kukuh bahawa terdapat perhubungan atau perdagangan laut yang terpanjang sekali di dunia di antara timur Sabah dan Melanesia, sejauh lebih 3,500 kilometer pada Zaman Neolitik. Bukti ini secara tidak langsung mencadangkan bahawa manusia prasejarah telah mempunyai teknologi belayar dan telah merentasi lautan dari Melanesia ke Kepulauan Asia Tenggara, 2,000-3,000 tahun sebelum Kapten James Cook menjelajahi kepulauan Asia Tenggara dan lautan Pasifik pada 1768-1979 (Chia, 2007). Teknologi pembuatan tembikar masih lagi diamalkan oleh masyarakat bajau di Semporna sehingga hari ini.

Aktiviti perdagangan yang dijalankan oleh manusia prasejarah pada Zaman Neolitik melalui teknologi belayar seterusnya menjadi titik permulaan pembinaan perahu yang dinamakan lepa yang digunakan oleh masyarakat Bajau Laut di Semporna pada hari ini. Perahu lepa tersebut mempunyai corak dan ukiran yang tersendiri. Berikutan dengan aktiviti perdagangan dan pelayaran pada zaman dahulu, perahu lepa yang terdapat di Semporna juga menyamai perahu lepa yang terdapat di Filipina. Memandangkan perahu lepa merupakan tinggalan sejarah bagi masyarakat Semporna, mereka mengadakan pesta tahunan yang dinamakan Pesta Regatta Lepa. Acara tradisi lepa dijadikan sebagai acara tahunan dan dimasukkan dalam kalendar pelancongan Sabah agar kekayaan budaya terus terpelihara (Utusan Borneo, 2019). Dalam pesta ini, mereka mengadakan pertandingan pelayaran perahu lepa yang dihiasi dengan ‘sambulayang’ iaitu kain layar kapal dan

persembahan tarian tradisional iaitu tarian Igal-igal diiringi muzik tradisional ‘Kulintangan’ (Ali, 2010). Pesta ini merupakan pesta tahunan yang sememangnya ditunggu-tunggu oleh masyarakat Semporna. Pesta ini juga turut menjadi tarikan pelancong untuk datang berkunjung ke Semporna, Sabah (Azizah, 2019).

Maka, Semporna dilihat berpotensi mengembangkan potensinya sebagai destinasi pelancongan termasuk pelancongan arkeologi berdasarkan warisan-warisan arkeologi yang masih kekal. Namun, potensi ini perlu melibatkan komuniti setempat dalam usaha melestarikannya. Oleh itu, kajian ini akan meneroka penglibatan komuniti setempat dalam memelihara dan memulihara tapak arkeologi di Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Antara tapak arkeologi yang terdapat di Sabah ialah Bukit Tengkorak. Bukit Tengkorak merupakan salah satu tapak arkeologi yang memberi kepentingan dari segi warisan dan pelancongan di Sabah. Bukit Tengkorak telah pun diketahui oleh penduduk tempatan Semporna sejak dahulu kala, namun tapak arkeologi di Bukit Tengkorak hanya berjaya dikenalpasti oleh kakitangan Jabatan Muzium Sabah pada awal tahun 1980-an (Chia 2016).

Walau bagaimanapun, sejak dikesan, kepentingan menjaga tapak arkeologi ini kurang disedari masyarakat khususnya masyarakat setempat. Selain itu, Bukit Tengkorak juga tidak dapat dipelihara dan dipulihara dengan baik kerana masalah vandalisme oleh pelawat yang berkunjung ke Bukit Tengkorak. Menurut Mahrof Riassin (2012), pelawat yang datang berkunjung ke Bukit Tengkorak membuang sampah dan juga menconteng batu-batuan di sepanjang pendakian ke puncak bukit. Menyedari bahawa tapak arkeologi ini memberi sumbangan yang besar dalam sejarah Sabah, maka, masyarakat khususnya komuniti setempat perlu terlibat sama dan memainkan peranan aktif dalam melindunginya dari ancaman kerosakan dan pencerobohan.

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan kajian yang dikemukakan dalam kajian ini. Persoalan kajian tersebut adalah:

- i Apakah jenis-jenis artifak yang ditemui di Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah?
- ii Apakah kepentingan Bukit Tengkorak kepada masyarakat sekitar?
- iii Sejauhmanakah penglibatan komuniti setempat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak?

### 1.4 OBJEKTIF

Objektif kajian merupakan beberapa pernyataan yang menjelaskan matlamat kajian yang hendak dicapai oleh pengkaji. Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan data mengenai pemuliharaan dan pemeliharaan yang dijalankan di Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah. Berikut merupakan tiga objektif kajian yang digunakan dalam kajian ini:

- i Mengenalpasti artifak-artifak di Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah.
- ii Menghurai kepentingan Bukit Tengkorak terhadap masyarakat di sekitar.
- iii Menganalisis penglibatan komuniti setempat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak.

### 1.5 SKOP KAJIAN

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah tertumpu di Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah. Bukit Tengkorak merupakan salah sebuah tapak arkeologi dan tapak prasejarah yang penting di Malaysia dan Asia Tenggara. Hal ini kerana, Bukit Tengkorak merupakan salah satu kawasan yang memainkan peranan sebagai pengeluar tembikar tanah yang terbesar di Asia Tenggara pada zaman prasejarah iaitu zaman Neolitik. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memahami dan mendalami tapak arkeologi Bukit Tengkorak serta proses pemuliharaan dan pemeliharaan Bukit Tengkorak. Tapak arkeologi ini bertempat di Jalan Tampi-Tampi, lebih kurang 10km di Selatan pekan Semporna. Ia berada di atas bukit kira-kira 600 kaki dari paras laut. Tapak Bukit Tengkorak merupakan tapak pelindung gua batuan volkanik dan ia merupakan

sebahagian daripada bibir gunung berapi yang berdiameter lebih kurang dua kilometer persegi.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah penting kerana Bukit Tengkorak merupakan salah satu tapak warisan yang mempunyai nilai sejarah dan keunikannya yang tersendiri. Selain itu, Bukit Tengkorak juga merupakan salah satu daripada tapak arkeologi yang terpenting di Malaysia. Hal ini kerana, Bukit Tengkorak merupakan salah satu tempat penemuan artifak-artifak dan tinggalan barang prasejarah seperti serpihan tembikar serta penemuan tengkorak manusia prasejarah pada Zaman Neolitik. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tempat tersebut adalah salah satu bukti kepada kewujudan kehidupan manusia pada masa itu. Kepentingan kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

### 1.6.1 Individu

Kajian mengenai Bukit Tengkorak adalah penting untuk menambah dan meluaskan ilmu pengetahuan kepada individu khususnya kepada generasi muda. Kajian ini dapat memberi kesedaran kepada individu bahawa Bukit Tengkorak pernah menjadi kawasan penempatan masyarakat zaman prasejarah. Kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada individu bahawa tapak bersejarah dan tinggalan warisan perlu dijaga, dipelihara dan dipulihara dengan baik daripada ancaman luar. Kajian ini seterusnya dapat memberikan kefahaman dan pengetahuan dengan lebih mendalam kepada individu mengenai asas pemeliharaan dan pemuliharaan dijalan ke atas tapak-tapak arkeologi.

### 1.6.2 Institusi

Kajian mengenai Bukit Tengkorak adalah relevan dan penting bukan sahaja kepada pengkaji tetapi penting kepada ramai pihak di institusi-institusi pengajian. Kajian ini dapat menjadi rujukan kepada pensyarah dan para pelajar dalam menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan tapak arkeologi Bukit Tengkorak. Maklumat dan pengetahuan yang diperoleh oleh pengkaji dapat dikongsi dengan mahasiswa dan pensyarah. Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan oleh mahasiswa dan juga pensyarah di dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan oleh pihak pentadbiran di pelbagai institusi serta menjadi rujukan para penyelidik yang menjalankan kajian berkaian dengan Bukit Tengkorak.

### 1.6.3 Masyarakat

Seterusnya, kajian mengenai Bukit Tengkorak adalah penting kepada masyarakat khususnya masyarakat setempat. Hal ini kerana, dengan kaedah ini masyarakat dapat mengenali identiti sebenar kehidupan masyarakat di Semporna pada zaman dahulu. Selain itu, masyarakat setempat juga dapat mengetahui maklumat penting mengenai khazanah dan peninggalan serta budaya lama masyarakat zaman prasejarah. Informasi dan maklumat-maklumat terperinci seperti ini hanya boleh didapatkan di Bukit Tengkorak. Melalui kaedah ini juga, ia dapat menyebarkan kesedaran kepada masyarakat bahawa Bukit Tengkorak merupakan tapak warisan yang perlu dipulihara dan dipelihara dengan baik untuk diturunkan kepada generasi akan datang.

## 1.7 DEFINISI ISTILAH

Definisi istilah adalah bertujuan untuk memberikan penjelasan mengenai istilah-istilah yang digunakan agar terdapat kesamaan penafsiran (Prasetya, 2016). Selain itu, definisi istilah juga adalah pengertian atau makna kepada sesuatu perkataan. Ia juga bermaksud kenyataan yang ringkas dan padat bagi menjelaskan konsep atau makna sesuatu kata, frasa dan lain-lain.

### 1.7.1 Pemuliharaan

Sepertimana yang didefinisikan oleh Akta Warisan Kebangsaan 2005, pemuliharaan termasuklah pemeliharaan, pemberkualihan, pembinaan semula, pemuliharaan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya. Menurut Burden (2004), pemuliharaan adalah sebagai pengurusan bangunan, monumen dan tapak untuk mengelakkan kereputan, kemusnahaan, penyalahgunaan atau diabaikan. ICOMOS (1999) mendefinisikan pemuliharaan sebagai proses memulihara sesuatu tempat supaya kepentingan kebudayaan dapat dikekalkan manakala PERZIM (2006) mendefinisikan pemuliharaan sebagai kerja-kerja baikpulih monumen dan tapak tanah bersejarah dengan menggunakan kaedah mengekalkan seni bina dan bahan binaan yang sama atau hampir sama dengan bahan asal.

### 1.7.2 Pemeliharaan

Pemeliharaan adalah perbuatan atau proses melakukan tindakan bagi mengekalkan bentuk sedia ada, integriti dan bahan sesebuah bangunan atau

struktur, dan bentuk sedia ada serta tumbuhan sesuatu tapak. Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005, pemeliharaan ertiannya bertujuan untuk memberhentikan kemerosotan lanjut, reput atau keadaan using dan menyediakan struktur yang selamat dan kukuh tetapi tidak menjangkakan pembangunan semula.

#### 1.7.3 Tapak Arkeologi

Tapak termasuklah mana-mana kawasan, tempat, zon, warisan semula jadi, monumen atau bangunan yang melekat pada tanah, rizab arkeologi dan mana-mana tanah dengan bangunan, taman, pokok atau rizab arkeologi (Akta Warisan Kebangsaan 2005). Manakala, arkeologi didefinisikan sebagai mana-mana artifak, peninggalan atau keterangan matan yang dikaitkan dengan mendapan arkeologi, dimana-mana bahagian Malaysia dan berusia lima puluh tahun atau lebih. Arkeologi merupakan satu disiplin yang mengkaji aktiviti dan kebudayaan masyarakat prasejarah berdasarkan rekod-rekod tidak bertulis seperti tinggalan-tinggalan artifak, sisa makanan, tempat tinggal, kawasan perkuburan atau tinggalan fizikal yang dapat dikesan di sesuatu tapak.

#### 1.7.4 Penglibatan Komuniti

Menurut Afrizal (2013), penglibatan bermaksud suatu bentuk interaksi sosial, iaitu pihak yang terlibat dalam sesuatu aktiviti akan mengambil bahagian dan bekerjasama dengan berperanan secara aktif dalam mencipta merancang dan melaksanakan aktiviti bersama. Penglibatan bermaksud perihal melibatkan diri sama ada dalam persatuan atau dalam sesuatu perkara (Azemi, 2011). Menurut Sarah (2015), komuniti merujuk kepada individu-individu yang menetap di sesuatu kawasan, tempat, daerah, negara dan sebagainya (dibawah satu pemerintahan). Komuniti adalah satu “*stakeholder*” atau kelompok berkepentingan utama yang perlu digerakkan dalam usaha mengurus kawasan persekitaran mereka sendiri (Afrizal, 2013).

## 1.8 ORGANISASI PENULISAN BAB

Dalam penulisan bab 1, pengkaji memberikan pendahuluan dan pengenalan mengenai tajuk yang dipilih oleh pengkaji iaitu Kajian Mengenai Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah sebagai Tapak Arkeologi. Dalam penulisan ini, pengkaji merangkumi permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan definisi istilah. Pengkaji membuat tiga objektif kajian sebagai penyelesaian kepada permasalahan kajian. Setelah itu, penulisan skop kajian dalam bab ini menunjukkan kawasan kajian yang hendak dikaji oleh pengkaji iaitu di Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah. Terdapat juga definisi istilah dalam bab ini agar memudahkan pengkaji untuk memahami kajian yang hendak dijalankan.

Dalam penulisan bab 2 pula, dokumen-dokumen atau kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian pengkaji akan dikaji dalam bab ini. Kajian-kajian serta maklumat yang terdapat dalam buku atau artikel-artikel yang berkaitan akan ditulis dalam bab 2. Penulisan dokumen, artikel yang berkaitan dalam bab ini dapat dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji dalam penulisan kajian.

Bab 3 membincangkan tentang metodologi kajian. Metodologi merupakan kaedah kajian yang digunakan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan dalam kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif sebagai kaedah kajian. Pengkaji akan menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai langkah-langkah yang digunakan dalam pengumpulan data. Seterusnya, pengkaji akan membuat persampelan kajian dan membuat analisis data. Kaedah-kaedah tersebut digunakan untuk memudahkan pengkaji mendapatkan data-data yang diperlukan sepanjang menjalankan kajian.

Bab 4 akan membincangkan mengenai hasil atau dapatan kajian. Dapatan kajian yang dihuraikan dalam bab ini merupakan data-data yang diperoleh dengan menggunakan kaedah yang telah diterangkan dalam bab 3. Data-data yang diperoleh mengenai penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak akan dianalisis oleh pengkaji secara terperinci dan lebih jelas dalam bab ini.

Penulisan bab 5 pula akan merumuskan penulisan keseluruhan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Bab ini merupakan kesimpulan bagi keseluruhan penulisan kajian.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang tinjauan-tinjauan kajian lepas yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji yang berkaitan dengan arkeologi serta pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan ke atas warisan kebudayaan. Sorotan kajian adalah rujukan secara kritikal dan sistematik terhadap kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji atau penyelidik yang terdahulu. Sorotan kajian lepas adalah proses penelitian, penilaian dan pemahaman secara mendalam terhadap hasil kajian dan penulisan lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian yang hendak dijalankan oleh penyelidik (Rahim, 2006). Penulisan sorotan kajian bertujuan untuk membantu pengkaji dalam memahami dan mencari fokus kajian yang hendak dijalankan. Sorotan kajian juga memberikan maklumat berkaitan dengan kerja-kerja penyelidikan yang telah dibuat oleh penyelidik terdahulu mengenai reka bentuk, subjek kajian, alatan kajian serta dapatan kajian yang telah dijalankan. Tinjauan kajian lepas yang dijalankan perlulah berpandukan bahan bercetak seperti buku, jurnal, surat khabar dan tesis. Selain itu, tinjauan kajian lepas juga dapat dijalankan melalui tinjauan di laman web yang terdapat di internet.

#### 2.2 TAPAK ARKEOLOGI

Arkeologi adalah berasal dari perkataan ‘archaios’ yang bermakna yang telah lalu dan ‘iogos’ yang bermakna pengetahuan (Dikslit, 1955). Arkeologi merupakan satu disiplin yang mengkaji aktiviti dan kebudayaan masyarakat prasejarah berdasarkan rekod-rekod tidak bertulis seperti tinggalan-tinggalan artifak, sisa makanan, tempat tinggal, kawasan perkuburan atau tinggalan fizikal yang dapat dikesan di sesuatu tapak. Menurut Cottrell (1974), arkeologi berkaitan dengan penceritaan manusia yang didedahkan melalui bahan artifak dan bahan bukan artifak, sama ada bahan tinggalan tersebut merupakan senjata, perabot, kubu, barang perhiasan, tinggalan manusia dan binatang, rekod tulisan yang terdapat pada batu, tembikar dan tumbuh-tumbuhan. Arkeologi merupakan kaji purba mengenai asal-usul sesuatu kebudayaan terutama

kebudayaan manusia prasejarah melalui penggalian dan penguraian kesan-kesan tinggalan prasejarah yang dilakukan oleh ahli-ahli yang pakar dalam bidang arkeologi.

Sebahagian daripada arkeologi adalah berkaitan dengan benda dan sebahagian besar daripadanya berkaitan dengan manusia. Keterujaan arkeologi terletak pada pembinaan gambaran manusia beratus-ratus tahun lalu, malah beribu-ribu tahun lalu, dengan membuat perkaitan antara barang yang ditemui di atas tanah dengan orang yang tinggal di tempat itu suatu masa dulu. Selalunya objek fizikal yang ditinggalkan ialah barang biasa – alatan, mainan, senjata, barang rumah dan syiling. Barang ini mungkin peninggalan bangunan – dinding, pondok atau jalan – atau struktur hebat seperti kuil Mesir, malah keseluruhan kota seperti ibu Negara Inca di Machu Picchu. Namun, persamaannya adalah kesemuanya masih wujud walaupun orang yang menghasilkan barang tersebut sudah lama mati (Barnes, 2009).

Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), “Tapak” – termasuklah mana-mana kawasan, tempat, zon, warisan semula jadi, monumen atau bangunan yang melekat pada tanah, rizab arkeologi dan mana-mana tanah dengan bangunan, taman, pokok atau rizab arkeologi. Seterusnya, “Rizab Arkeologi” bermaksud suatu kawasan yang didalamnya terletak relik arkeologi. Manakala, “Relik Arkeologi” bermaksud mana-mana mendapan arkeologi atau mana-mana artifak, peninggalan atau keterangan matan yang dikaitkan dengan mendapan arkeologi, dimana-mana bahagian Malaysia yang berusia lima puluh tahun atau lebih. Akta ini merupakan akta yang ditubuhkan untuk menguatkuaskan peruntukan bagi pemeliharaan dan pemuliharaan warisan kebangsaan, warisan semulajadi, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah air dan harta karun serta perkara yang berkaitan (Jabatan Warisan Negara, 2019). Warisan arkeologi hendaklah termasuk struktur, pembinaan, kumpulan bangunan, tapak maju, benda bergerak, monumen dari jenis lain serta konteksnya, sama ada terletak di atas tanah atau di bawah air (Valetta, 1992). Tapak arkeologi merupakan salah satu tapak warisan semulajadi yang tertakluk di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Penyelidikan arkeologi telah menemukan pelbagai data dan maklumat penting terutama dalam membantu sejarah negara dalam mendapatkan data yang lebih tepat (Hassan et al. 2016). Di Malaysia, terdapat banyak tapak arkeologi. Sebagai contoh, Gua Cha di Kelantan, Gua Gunung Runtu, Gua Teluk Kelawar dan Gua Harimau di Perak, Kota Johor Lama dan Pulau Kalumpang.

Bukit Tengkorak merupakan sebuah tapak arkeologi yang terdapat di Pantai Timur, Sabah. Melalui kerjasama USM dan Jabatan Muzium Sabah, kajian arkeologi dijalankan di Bukit Tengkorak pada tahun 1994. Tapak arkeologi ini bertempat di Jalan Tampi-Tampi, lebih kurang 10km di Selatan pekan Semporna. Ia berada di atas bukit kira-kira 600 kaki dari paras laut. Tapak Bukit Tengkorak merupakan tapak pelindung gua batuan volkanik dan ia merupakan sebahagian daripada bibir gunung berapi yang berdiameter lebih kurang dua kilometer persegi. Hasil daripada penyelidikan arkeologi, Bukit Tengkorak merupakan salah satu tapak pembuatan tembikar tanah yang terbesar di Asia tenggara pada zaman Neolitik. Hal ini dapat dibuktikan dengan penemuan-penemuan serpihan tembikar di tempat tersebut.

Berpuluhan ribu serpihan tembikar tanah yang berusia 3000 tahun dahulu dan dihiasi dengan pelbagai corak telah ditemui di Bukit Tengkorak (Jabatan Warisan Negara, 2019). Pada awalnya, penduduk tempatan menamakan Bukit Tengkorak sebagai Bukit Kabogan. Bukit Kabogan mula dikenali sebagai Bukit Tengkorak selepas penemuan dua tengkorak dan rangka manusia moden di atas bukit tersebut oleh penduduk tempatan (Chia, 2016). Kajian arkeologi di Bukit Tengkorak telah dijalankan oleh ahli arkeologi tempatan dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang iaitu profesor Zuraina Majid semasa lawatannya ke Jabatan Muizum Sabah (Chia, 2016). Menurut Chia (2016), kajian arkeologi oleh kumpulan penyelidik daripada USM dan Jabatan Muzium Sabah selama lebih 20 tahun telah membuktikan bahawa Bukit Tengkorak merupakan tapak prasejarah yang penting di Asia Tenggara dan sangat besar pengaruhnya terhadap arkeologi negara.

Sebagaimana tapak-tapak arkeologi yang lain, terdapat beberapa penemuan-penemuan artifak dan tengkorak di Bukit Tengkorak ini. Pakar arkeologi telah menemukan bukti-bukti artifak berusia ribuan tahun dahulu seperti sisa-sisa flora, manik, loceng gangsa, mikrolit, tempayan, tulang haiwan, rangka manusia, ikan dan cengkerang laut. Menurut Chia (2016), sekumpulan guru dan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Panglima Abdullah di Semporna yang diketuai oleh John Morgan iaitu sukarelawan *Peace Corps* dari Amerika, telah menaiki Bukit Tengkorak dan mengambil tengkorak tersebut untuk di simpan di makmal sains SMK Datuk Panglima Abdullah, Semporna Sabah pada tahun 1973. Tengkorak yang ditemui di Bukit Tengkorak dipercayai merupakan mangsa pembunuhan ketika zaman pemerintahan Jepun di Semporna. Survei arkeologi lanjutan telah menemui banyak sumber tanah liat dan beberapa sumber batuan seperti rijang dan akik dalam bentuk nodul di kaki Bukit

Tengkorak. Sumber-sumber tanah liat dan batuan tersebut berkemungkinan besar telah digunakan oleh masyarakat prasejarah Bukit Tengkorak untuk membuat tembikar dan alat batu di Bukit Tengkorak (Chia, 2016).

Industri pelancongan di Malaysia semakin berkembang pesat. Hal ini dapat dibuktikan melalui peningkatan bilangan pelancong ke negara ini. Oleh itu, industri pelancongan kini menjadi salah satu pemangkin kepada pertumbuhan dan penyumbang utama kepada KDNK di negara ini (Jahi, J. M. (2009). Menurut Scarre (1999), trend pelancong dari seluruh dunia kini sangat teruja untuk melawat tinggalan manusia zaman silam, umpamanya, tamadun Inca di Peru, tamadun Aztec dan tamadun Maya di Mexico, Piramid di Mesir, Petra Jordan, Tembok Besar China dan beberapa buah negara lagi. Menurut Jusoh (2016), negara kita mempunyai sejumlah tapak warisan yang sangat berpotensi untuk dikembangkan dan dilestarikan dalam konteks arkeopelancongan. Arkeopelancongan membawa maksud lawatan sambil melancong ke tapak warisan arkeologi, monumen dan bangunan bersejarah. Arkeopelancongan adalah berkaitan dengan suatu destinasi pelancongan yang berasaskan tapak warisan arkeologi, monumen dan bangunan bersejarah (Jusoh, 2016). Konsep ini mempunyai kaitan dengan konsep pelancongan warisan (Jusoh, 2016). Pelancongan warisan adalah suatu bentuk pelancongan untuk melihat segala khazanah warisan yang telah diwarisi daripada generasi terdahulu seperti sejarah, kebudayaan, kesenian, alam semula jadi, artifak dan lain-lain (Razak, 2006).

Sebagai tapak prasejarah, Bukit Tengkorak dilestarikan sebagai tapak arkeopelancongan. Bukit Tengkorak dijadikan sebagai salah satu kawasan pelancongan dan ia masih lagi beroperasi sehingga ke hari ini. Bagi memudahkan para pengunjung untuk sampai ke puncak Bukit Tengkorak, beratus-ratus anak tangga telah disediakan. Hal ini juga dijalankan sebagai salah satu kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan tapak arkeologi tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat segelintir masyarakat dan pelawat yang tidak bertanggungjawab dalam menjaga kelestarian tapak arkeologi ini. Mereka yang datang berkunjung telah merosakkan dan menconteng dinding serta batu-batuan di Bukit Tengkorak. Menurut Mahroff Riassin iaitu Penyelaras Tapak Arkeologi Bukit Tengkorak, “masalah untuk menjaga warisan Bukit Tengkorak supaya tidak diconteng oleh pelawat-pelawat dan ini adalah satu cabaran untuk kami menjaga warisan Bukit Tengkorak”. Walaupun terdapat tong sampah yang disediakan, namun terdapat segelintir pengunjung yang tidak bertanggungjawab. Mereka membuang sampah di merata tempat.

Hal ini akan mencacatkan pemandangan Bukit Tengkorak dan merosakkan identiti Bukit Tengkorak sebagai salah satu tapak warisan di mata para pelancong. Oleh itu, banyak aspek yang perlu diteliti dan dipertimbangkan dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak sebagai tapak arkeologi.

Aspek pemeliharaan dan pemuliharaan bahan sejarah atau harta warisan kini semakin di ambil perhatian serius, sama ada pada peringkat antarabangsa maupun pada peringkat nasional (Hussin, 2014). Pemeliharaan adalah perbuatan atau proses melakukan tindakan bagi mengekalkan bentuk sedia ada, integriti dan bahan sesebuah bangunan atau struktur, dan bentuk sedia ada serta tumbuhan pelindung sesuatu tapak. Manakala pemuliharaan sebagai proses memulihara sesuatu tempat supaya kepentingan kebudayaan dapat dikenalpasti. Pemeliharaan dan pemuliharaan dijalankan adalah bertujuan untuk menyelamatkan penemuan-penemuan artifak seperti seramik atau tembikar, kaca, logam, alat senjata dan sebagainya daripada pupus. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengekalkan kelestarian dan nilai warisan yang terdapat pada kawasan tersebut.

Memandangkan Bukit Tengkorak merupakan salah satu daripada warisan semulajadi, adalah seharusnya pemeliharaan dan pemuliharaan dijalankan ke atas tapak tersebut. Setelah kajian arkeologi dan ekskavasi dijalankan, artifak-artifak dan penemuan-penemuan yang ditemui di Bukit Tengkorak di simpan di dalam galeri warisan. Melalui kerjasama daripada organisasi kerajaan dan institusi akademik, tapak dan galeri warisan arkeologi Bukit Tengkorak di Semporna dapat dibangunkan (Narayanan, 2011). Galeri warisan di tapak arkeologi Bukit Tengkorak mula dibina pada 5 Januari 2009 dan telah siap sepenuhnya pada 24 September 2010. Pengisian pameran di galeri warisan arkeologi Bukit Tengkorak tentang sejarah dan hasil kajian arkeologi Bukit Tengkorak telah dijalankan oleh Jabatan Muzium Sabah dengan bantuan penulis dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, USM, Pulau Pinang (Chia, 2016). Galeri warisan tersebut dibina di kaki Bukit Tengkorak untuk kemudahan pelawat yang datang berkunjung. Pelawat yang berkunjung bukan sahaja dapat mendaki Bukit Tengkorak hingga ke puncak, mereka juga boleh memperoleh ilmu pengetahuan serta maklumat tentang tapak arkeologi tersebut di sepanjang pendakian. Hal ini kerana, terdapat info dan maklumat mengenai penemuan artifak di Bukit Tengkorak yang dipaparkan di sepanjang pendakian.

Selain itu, penemuan-penemuan artifak di Bukit Tengkorak juga di simpan di muzium. Kedatangan pelawat ke Muzium Tun Sakaran tidak seperti muzium-muzium lain yang terdapat di Malaysia kerana pelawat yang ingin berkunjung ke muzium dan Bukit Tengkorak tersebut adalah percuma. Kaedah ini sedikit sebanyak dapat menarik minat para pelajar untuk datang berkunjung ke Bukit Tengkorak. Selain itu, pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan ini adalah dengan cara mendokumenkan data-data yang diperoleh melalui kajian arkeologi dan ekskavasi yang dilakukan oleh ahli-ahli arkeologis. Data-data tersebut juga dibukukan oleh Stephen Chia iaitu seorang penyelidik arkeologi Universiti Sains Malaysia. Beliau menerbitkan sebuah buku yang bertajuk “*The Prehistory of Bukit Tengkorak, Sabah, Malaysia*” dan Arkeologi Bukit Tengkorak, Sabah.

Tapak warisan seperti tapak arkeologi Bukit Tengkorak sememangnya mempunyai nilai-nilai warisan yang tersendiri. Masyarakat setempat di Semporna seharusnya berbangga kerana terdapat tapak warisan yang terpenting di Semporna. Hal ini kerana tapak warisan tersebut merupakan identiti kepada sesebuah masyarakat. Masyarakat pada zaman Neolitik di Bukit Tengkorak telah menghasilkan tembikar yang diperbuat daripada tanah liat. Kajian etnoarkeologi menunjukkan bahawa masyarakat Bajau di Semporna pada hari ini masih lagi mengamalkan teknologi pembuatan tembikar secara tradisional.

Terdapat beberapa kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tapak-tapak arkeologi yang telah dijalankan serta pemeliharaan dan pemuliharaan di tapak-tapak warisan.. Salah satu daripadanya adalah pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalani ke atas tapak-tapak warisan. Kajian yang dijalankan oleh Er Ah Choy, Nur Azlin Muhamad Awal dan Mohd Fakhrulrazi Shamsudin pada tahun 2015 yang bertajuk Kesedaran Awam terhadap Pemeliharaan dan Pemuliharaan alam semula jadi: Kes Taman Wetland, Putrajaya. Kajian ini membincangkan tentang kesedaran orang awam terhadap usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan di taman buatan manusia iaitu Taman Wetland yang terdapat di Putrajaya. Taman Wetland merupakan sebuah tasik buatan manusia yang pertama dan taman ini merupakan taman buatan yang terbesar di Malaysia. Aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan kurang mendapat perhatian, kerjasama dan komitmen daripada orang awam dan swasta kerana ianya tidak memberikan keuntungan secara langsung dan berlipat ganda (Shamsudin et al. 2015). Terdapat aktiviti-aktiviti yang dilakukan bagi menjalankan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan sumber asli. Salah satu aktiviti yang dijalankan adalah advokasi kepada masyarakat agar

memberi kesedaran terhadap kepentingan dan peranan mereka dalam menjaga alam sekitar dan sumber asli. Selain advokasi, aktiviti seperti kempen, pengiklanan, latihan dan sebagainya diguna dan diterapkan kepada masyarakat agar sentiasa menyedari dan peka akan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan sumber asli yang berada di sekeliling mereka (Shamsudin et al.2015).

Menurut Shamsudin et al. (2015), Tasik Putrajaya dan Taman Wetland merupakan komponen terbesar yang terdapat di Putrajaya iaitu sebagai pusat pentadbiran dan pembangunan tanah lembab pertama di Malaysia. Taman Wetland berfungsi untuk meningkatkan kualiti air, pendidikan serta kawasan eko-pelancongan. Taman Wetland juga berfungsi sebagai kawasan pelestarian sumber daya alam semula jadi dan merupakan ekologi yang penting bagi kepelbagaian flora dan fauna. Terdapat hampir 70 spesies flora yang tumbuh subur dan lebih daripada 195 spesies burung, mamalia kecil dan serangga (Shamsudin et al. 2015). Menurut Shamsudin et al. (2015) lagi, terdapat 34 spesies burung, mamalia kecil dan serangga yang merupakan spesies asli dari kawasan Putrajaya. Spesies flora dan fauna yang terdapat di Taman Wetland ini perlu dikekalkan kerana ianya menjadi penyumbang kepada sumber warisan negara. Selain itu, 72 pokok getah asli yang ditanam pada tahun 1960-an untuk tujuan penyelidikan. Pokok getah tersebut masih lestari sehingga masa kini dan ia dilindungi sebagai bukti warisan yang sangat penting bagi sejarah komoditi getah. Pokok getah tersebut merupakan sumber utama ekonomi negara sehingga Malaysia menjadi negara pengeksport getah terbesar di dunia (Shamsudin et al. 2015).

Alam semula jadi merupakan khazanah yang tidak ternilai dan ia perlu dipelihara dan dipulihara untuk kesejahteraan ekonomi dan tinggalan bagi generasi masa hadapan. Alam semulajadi juga merupakan sumber atau punca yang perlu diterokai bagi merangka pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial (Shamsudin et al. 2015). Menurut Shamsudin et al. (2015) lagi, proses pemeliharaan dan pemuliharaan hendaklah diterapkan kepada generasi muda kerana mereka lebih mudah terdedah kepada aktiviti-aktiviti yang melibatkan alam sekitar. Pendedahan awal mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dapat ditanamkan dan diserap dalam diri pelajar di sekolah atau institusi tinggi melalui aktiviti dan subjek pembelajaran. Antara sumbangan yang boleh dilakukan diperingkat sekolah adalah dengan mengadakan lawatan ke kawasan yang telah beroperasi sebagai kawasan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar seperti Taman Wetland (Shamsudin et al. 2015).

Tinjauan sorotan kajian yang seterusnya adalah kajian mengenai Bukit Tengkorak dijalankan oleh Stephen Chia iaitu Pengeluaran dan Teknologi Tembikar Prasejarah di Bukit Tengkorak, Sabah, Malaysia. Kajian ini dijalankan pada tahun 2003. Kajian oleh Stephen Chia ini adalah untuk mengkaji dan mengetahui bagaimana penghasilan tembikar dihasilkan oleh masyarakat prasejarah di Bukit Tengkorak pada zaman Neolitik. Hasil daripada kajian ekskavasi yang dijalankan di Bukit Tengkorak menunjukkan bahawa terdapat 20,236 keping serpihan tembikar yang ditemui. Serpihan-serpihan tembikar tersebut digali dan kebanyakannya daripada serpihan tersebut disaluti oleh laipsan abu tebal yang berukuran 50-80 cm.

Mengikut kajian, pembuatan dan pembentukan corak pada tembikar di Bukit Tengkorak adalah dengan menggunakan tangan. Hal ini kerana terdapat kesan jari pada permukaan di beberapa serpihan tembikar yang ditemui. Serpihan-serpihan tembikar yang ditemui dihasilkan daripada tanah liat yang berada di sekitar Bukit Tengkorak dan bukan daripada aktiviti perdagangan yang pernah berlaku pada zaman prasejarah. Jenis tembikar yang ditemui hasil daripada ekskavasi adalah berwarna merah dan tidak mempunyai sebarang corak pada permukaan tembikar. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Stephen Chia, tembikar yang mempunyai corak mula dihasilkan pada tahun 1,200. Corak-corak yang dihasilkan pada permukaan tembikar adalah dengan menggunakan jari, cengkerang, buluh atau rotan.

Kajian mengenai tapak arkeologi yang seterusnya adalah kajian yang dijalankan di tapak arkeologi di Lembah Bujang, Kedah iaitu Lembah Bujang, Sebuah Kerajaan Lama yang Berpusat dari Perspektif Sistem Maklumat Geografi (GIS). Kajian ini dijalankan pada tahun 2010 oleh beberapa pengkaji iaitu Azlin Samsudin, Tarmiji Masron, Mokhtar Saidin, Jeffrey Abdullah dan Saiful Shahidan. Lembah Bujang merupakan sebuah pekan kecil yang terletak di negeri Kedah dan ia merupakan salah satu tempat yang paling banyak menyimpan nilai-nilai sejarah. Tapak bersejarah Lembah Bujang ini telah dikaji oleh beberapa orang pengkaji sejak beberapa dekad yang lalu. Lembah Bujang merupakan tapak yang paling dikenali oleh para pengkaji proto sejarah di Semenanjung Tanah Melayu terutama terutama di bahagian Utara Tanah Melayu (Samsudin et al. 2010).

Lembah Bujang pernah berkembang sebagai sebuah penempatan dan pelabuhan kerana kedudukannya yang merangkumi kawasan seluas 144 batu persegi termasuk

bahagian utara di Bukit Choras, bahagian selatan Sungai Muda, bahagian timur Selat Melaka dan bahagian barat di Lebuhraya Utara-Selatan. Kedudukan Lembah Bujang yang mempunyai kemudahan pengangkutan seperti sungai dan jalan darat yang baik menyebabkan para pedagang dari penempatan lain berkunjung dan berdagang di kawasan tersebut. Lembah Bujang juga terlindung daripada serangan lanun dan kawasan tersebut mempunyai bekalan makanan yang mudah didapati. Berdasarkan hasil penyelidikan dan ekskavasi membuktikan bahawa daerah Pengkalan Bujang pernah menjadi Kawasan perdagangan ‘entreport’ berdasarkan bukti serpihan seramik dari China yang ditemui di kawasan tersebut.

Kajian ini menggunakan kaedah Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk mengkaji taburan tapak-tapak arkeologi di Lembah Bujang. Sistem Maklumat Geografi atau dikenali sebagai GIS merupakan sistem pengurusan maklumat berkomputer. GIS berfungsi untuk tujuan pengurusan maklumat, pengolahan, penganalisaan dan pengeluaran maklumat yang sering dikaitkan dengan data yang berbentuk pelan atau peta. Sistem ini memberi tumpuan kepada interaksi perkakasan, perisian, data bagi merakam, mengurus, memanipulasi, menganalisis dan memaparkan semua bentuk maklumat geografi yang dirujuk (Suriani, 2020). Analisis GIS telah dilakukan ke atas taburan tapak-tapak arkeologi yang sedia ada untuk menentukan pola penempatan dan pusat penempatan di Lembah Bujang (Samsudin et al. 2010). Hasil daripada analisis yang dijalankan menunjukkan taburan tapak-tapak arkeologi adalah tertumpu pada kawasan tadian Sungai Merbok dan Sungai Muda. Pola penempatan di Lembah Bujang lebih tertumpu di Sungai Merbok berbanding Sungai Muda kerana Sungai Merbok merupakan sungai utama yang mengairi Lembah Bujang.

Seterusnya, kajian yang dijalankan di Lembah Bujang iaitu Arkeopelancongan di Lembah Bujang: Isu, Dilema dan Cabaran. Kajian ini dijalankan pada tahun 2016. Kajian ini dijalankan oleh beberapa orang pengkaji iaitu Farhana Abdullah, Adnan Jusoh, Nasir Nayan dan Zuliskandar Ramli. Kajian ini dijalankan untuk membincangkan tentang isu-isu serta cabaran yang dihadapi dalam usaha pengekalan tapak arkeologi sebagai tapak arkeopelancongan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu dengan menggunakan kaedah soal selidik.

Menurut Abdullah (2016), puluhan tapak arkeologi yang ditemui di Lembah Bujang terdiri daripada tapak candi dan hampir kesemua tapak tersebut berada dalam

keadaan rosak dan tidak dijaga dengan baik. Masih banyak tapak yang hilang disebabkan oleh peningkatan jumlah pembinaan rumah sehingga menyebabkan beberapa tapak candi terpaksa dihapuskan untuk pembangunan kawasan persekitaran (Abdullah et al. 2016). Oleh itu, pihak berwajib perlu merangka pendekatan pemuliharaan dan pemeliharaan serta penjagaan yang lebih sistematik terhadap tapak arkeologi ini agar kelangsungan tapak ini sebagai tapak arkeopelancongan negara dapat diteruskan. Pendekatan atau kaedah pemuliharaan tapak arkeologi melalui pendekatan pemuliharaan merupakan salah satu langkah untuk melindungi warisan arkeologi Lembah Bujang daripada sebarang kemusnahan dan kerosakan secara menyeluruh (Abdullah et al. 2016). Pendekatan pemuliharaan yang dijalankan ke atas tapak arkeologi ini perlulah dijalankan secara berterusan untuk melindungi dan mengekalkan warisan arkeologi serta mengekalkan kelestarian tapak arkeologi sebagai tapak arkeopelancongan.

Kajian ini juga turut menyatakan kepentingan penjagaan ke atas tapak-tapak arkeologi Lembah Bujang. Kepentingan penjagaan ke atas tapak arkeologi warisan Lembah Bujang memberi banyak manfaat dalam kesinambungan untuk tatapan generasi akan datang (Abdullah et al. 2016). Penjagaan ke atas tapak arkeologi dapat meningkatkan daya ketahanan tapak tersebut dalam jangka masa yang panjang. Hal ini seterusnya dapat membantu meningkatkan ekonomi negara kerana para pelancong lebih berminat untuk berkunjung dan melawat ke tempat-tempat bersejarah.

Kebanyakan pelancong yang datang ke tapak tinggalan warisan seperti di Lembah Bujang di Kedah, Lenggong dan Gua Niah di Sarawak melihatnya sebagai satu aktiviti pelancongan dan melawat ke tempat bersejarah (Ithnin, 2018). Menurut Abdullah et al. (2016), jangka hayat sesuatu tapak warisan dapat memberi nilai perlindungan serta meningkatkan nilai pelaburan yang sedia ada. Selain itu, kepentingan penjagaan tapak arkeologi dapat mengurangkan kos serta mengurangkan risiko gangguan daripada luar akibat seperti vandalisme oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sebagai harta warisan negara, penjagaan berkala adalah penting dalam mengekalkan kelestarian tapak warisan arkeologi Lembah Bujang. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi keharmonian terhadap persekitaran serta memberi keseimbangan kepada penjagaan tapak arkeologi.

Sorotan kajian yang seterusnya adalah kajian bertulis mengenai Bukit Tengkorak yang dihasilkan oleh Stephen Chia pada tahun 2015. Kajian ini bertajuk Arkeologi Bukit Tengkorak, Sabah. Kajian ini membincangkan tentang kajian arkeologi yang dijalankan

di Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah. Kajian tersebut telah mengambil masa dari tahun 1994 sehingga 2014. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa Bukit Tengkorak merupakan sebuah tapak prasejarah yang penting di Asia Tenggara dan Pasifik. Bukit Tengkorak menjadi sebuah tapak prasejarah yang terpenting kerana ia merupakan sebuah tapak pembuatan dan penghasilan tembikar yang terbesar di kepulauan Asia Tenggara.

Hasil kajian arkeologi di Bukit Tengkorak telah menunjukkan bahawa tapak tersebut bertarikh sekitar 3,000 tahun dahulu dan merupakan sebuah tapak prasejarah yang penting di kawasan Asia Tenggara dan Pasifik. Survei dan ekskavasi di Bukit Tengkorak mendedahkan bahawa tapak tersebut sangat kaya dengan bukti dan artifak arkeologi seperti tembikar, alat batu, dan sisa makanan. Kajian saintifik yang dijalankan di Bukit Tengkorak pula mendapati bahawa tapak tersebut merupakan salah sebuah tapak pembuatan tembikar prasejarah yang terbesar di kepulauan Asia Tenggara. Penemuan yang penting dari Bukit Tengkorak adalah bukti arkeologi tentang migrasi manusia prasejarah dan laluan pertukaran atau perdagangan maritim yang terpanjang di dunia pada Zaman Neolitik.

Turut dimuatkan dalam kajian ini adalah tradisi pembuatan tembikar etnik Bajau yang mempunyai kaitan dengan tembikar prasejarah Bukit Tengkorak serta maklumat ringkas tentang tapak-tapak arkeologi yang lain di Semporna untuk memberikan gambaran yang lebih jelas tentang arkeologi di Semporna dan Sabah. Akhir sekali, kajian ini membincangkan tentang sejarah pembangunan Bukit Tengkorak sebagai sebuah tapak warisan arkeologi untuk tujuan pelancongan arkeologi di Semporna, Sabah dan Malaysia.

Selain itu, terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan Bukit Tengkorak iaitu Kajian Arkeologi di Bukit Tengkorak dan Bukit Segarong, Sabah. Kajian ini dijalankan oleh Peter Bellwood pada tahun 1989. Kajian yang dijalankan oleh Peter Bellwood ini adalah mengenai penerangan ringkas tapak arkeologi Bukit Tengkorak. Kajian ini juga menerangkan tentang butir-butir lengkap mengenai artifak yang terdapat di Bukit Tengkorak serta kajian kecil tambahan di Segarong. Menurut Bellwood (1989), tapak arkeologi ini dinamakan sebagai Bukit Tengkorak kerana penemuan tengkorak manusia di bukit tersebut. Tengkorak yang ditemui dipercayai sebagai mangsa daripada perang dunia kedua. Hal ini kerana hasil daripada penyelidikan menyatakan bahawa tiada sebarang tanda yang menunjukkan pengkbumian manusia zaman prasejarah di lokasi

tersebut. Tengkorak yang ditemui disimpan di sebuah makmal sains disalah sebuah sekolah yang terdapat di Semporna iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Datu Panglima Abdullah.

Bukit Tengkorak dikenali sebagai tapak prasejarah yang penting kerana ia merupakan sebuah tapak pembuatan dan penghasilan tembikar yang terbesar di kepulauan Asia Tenggara. Tembikar yang dihasilkan pada awalnya adalah tembikar yang mempunyai penutup atau disebut sebagai kombinasi ‘*vessel-and-lid*’, dan juga dapur kayu. Pada awalnya permukaan tembikar yang dihasilkan adalah kosong dan tidak mempunyai sebarang corak. Seterusnya, tembikar yang dihasilkan diinovasikan dengan mengukir pelbagai corak pada permukaan dan penutup tembikar. Masyarakat prasejarah mengukir corak-corak tersebut dengan menggunakan jari, batuan atau buluh. Tembikar-tebikar yang dihasilkan digunakan sebagai tempat penyimpanan makanan dan dapur yang digunakan untuk memasak.

Selain tembikar, ahli-ahli arkeologi juga turut menemui sisa-sisa fauna seperti cengkerang, tulang ikan dan tulang haiwan. Hasil daripada ekskavasi ini menunjukkan diet makanan masyarakat prasejarah di Bukit Tengkorak. Makanan utama masyarakat prasejarah di Bukit Tengkorak adalah berasaskan laut kerana kedudukan Bukit Tengkorak yang berdekatan dengan laut. Masyarakat Prasejarah di Bukit Tengkorak adalah masyarakat pertama yang mengeksplorasi laut dalam (Bellwood, 1989)

Seterusnya, terdapat juga batu-batuhan yang ditemui di Bukit Tengkorak. Menurut Bellwood (1989), terdapat banyak alatan batu yang dijumpai di Bukit Tengkorak tetapi tiada sebarang peralatan logam yang dijumpai di lokasi tersebut. Batuan yang ditemui adalah alat batu mikrolit iaitu alat repehan dan penggerudi akik dan rijang, batu pemukul kulit kayu dan batu teras serta kapak beliung. Alatan batu tersebut digunakan oleh masyarakat prasejarah dalam aktiviti menangkap dan menyiang ikan, berburu, melapah haiwan serta mengikis kayu atau rotan. Penggerudi digunakan untuk menebuk cengkerang atau kulit binatang. Batu pemukul kulit kayu pula digunakan untuk membuat pakaian daripada kulit kayu. Batu-batuhan yang digunakan oleh masyarakat prasejarah di Bukit Tengkorak boleh diperolehi di kawasan persekitaran Bukit Tengkorak. Sumber-sumber akik ditemui dalam bentuk nodul dan jalur dalam magma volkanik.

Penjagaan ke atas tapak arkeologi bukan sahaja memberi kepentingan dalam penjanaan ekonomi negara, ia juga dapat memberi kepentingan serta kesedaran kepada

generasi muda mengenai warisan-warisan yang terdapat di Malaysia. Penjagaan ke atas tapak arkeologi mampu memberi maklumat yang penting dan berguna kepada para pelajar melalui aktiviti lawatan sekolah ke tapak arkeologi. Aktiviti melawat ke tapak arkeologi di Malaysia mampu memberi manfaat kepada pengunjung terutama kumpulan pelajar sekolah kerana mereka dapat melihat tapak tinggalan kerajaan atau tamadun terdahulu secara langsung (Ithnin, 2018). Menurut Ithnin (2018) lagi, melalui aktiviti lawatan ini mereka akan lebih memahami dengan lebih mendalam kerana bukti tinggalan bersejarah yang dibaca di dalam buku teks terpapar di hadapan mata mereka. Kaedah ini juga mampu memberi kesedaran kepada generasi muda bahawa pentingnya menjaga tapak-tapak warisan di Malaysia.

Isu dan cabaran yang diketengahkan dalam kajian ini adalah aktiviti arkeologi adalah profesi yang kurang popular bagi sesetengah masyarakat. Oleh itu, pendedahan secara menyeluruh dapat menarik minat orang ramai untuk mendalami nilai-nilai arkeologi di Lembah Bujang dan seterusnya dapat mengubah pandangan serta persepsi masyarakat terhadap aktiviti arkeologi. Langkah ini seterusnya akan memudahkan usaha pihak kerajaan dalam menyediakan pelbagai prasarana untuk kemudahan masyarakat setempat dan para pelancong. Selain itu, isu yang berlaku di tapak arkeologi Lembah Bujang adalah masalah fizikal dankekangan kewangan. Isu ini menyebabkan banyak projek-projek menaikkan kawasan Lembah Bujang sebagai tapak arkeopelancongan negara tertangguh. Masalah-masalah yang berlaku ini perlulah ditangani secepat mungkin namun begitu, sesetengah pihak hanya akan bertindak apabila kerosakan yang berlaku diluar jangkaan seperti tertimbusnya tapak candi disebabkan oleh pembangunan kawasan persekitaran Lembah Bujang.

Seterusnya, terdapat juga sesetengah pendapat yang mengatakan bahawa arkeopelancongan di Lembah Bujang tidak memberi sebarang faedah dan manfaat kepada masyarakat setempat. Pendapat ini dipengaruhi oleh persekitaran dan keadaan semasa kerana pelaburan terhadap projek menaikan kawasan perumahan di Lembah Bujang lebih tinggi berbanding projek arkeopelancongan. Kos jangka panjang yang diperlukan untuk menampung pihak pengurusan penjagaan tapak warisan memerlukan kos yang tinggi kerana ianya melibatkan jangka masa panjang dan berterusan serta tidak mudah untuk diuruskan secara teratur dan bersistematik (Abdullah et al. 2016). Namun begitu, isu-isu yang timbul serta cabaran yang akan datang haruslah diambil berat dan diselesaikan

dengan lebih efektif oleh pihak-pihak berwajib dalam usaha untuk menjadikan Lembah Bujang sebagai tapak arkeopelancongan yang bertaraf antarabangsa.


### 2.3 KERANGKA TEORITIKAL

Teori yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah teori fungsionalisme. Teori ini telah dicetuskan oleh seorang ahli falsafah dan pengasas dalam bidang sosiologi iaitu Auguste Comte, dan dikembangkan oleh Herbert Spencer dan Emile Durkheim (J. H. Turner, 2017). Teori fungsionalisme menekankan keseimbangan dalam kehidupan bermasyarakat. Struktur sosial dalam kehidupan bermasyarakat mempunyai fungsi yang tersendiri dan kehidupan bermasyarakat mempunyai hubungan serta saling bergantung antara satu sama lain (Melissa Hurst, 2013).

Teori fungsionalisme merupakan teori yang mengkaji fungsi perlakuan sosial atau institusi dalam kegiatan-kegiatan yang menyumbang kepada keberlangsungan kehidupan di dalam sesebuah masyarakat. Titik permulaan fungsionalisme adalah pandangan bahawa ketika kita menggunakan perbendaharaan kata mental, kita menggambarkan elemen dari segi fungsi, menentukan tujuan dan cara seseorang orang itu berusaha mencapai matlamat tersebut (Campbell, 1984). Menurut Tang, S (2017), teori fungsionalisme didefinisikan sebagai tubuh badan manusia kerana ia mempunyai bahagian-bahagian yang tertentu dan bahagian-bahagian tersebut mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri. Bukit Tengkorak merupakan wadah pendidikan atau elemen yang mampu memberikan ilmu pengetahuan kepada para pengunjung. Proses pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak sebagai tapak arkeologi memerlukan penglibatan daripada pelbagai pihak.

Penglibatan perbadanan serta organisasi-organisasi luar adalah amat penting dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak sebagai tapak arkeologi yang berfungsi sebagai tapak arkeopelancongan. Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan di Bukit Tengkorak dapat dilihat dengan pembinaan muzium terbuka atau Galeri Warisan di kaki Bukit Tengkorak. Pembinaan muzium terbuka ini adalah hasil penglibatan daripada Jabatan Muzium Negara dan Jabatan Muzium Sabah dengan memperuntukan kos sebanyak 4.2 juta bagi menyiapkan muzium dan prasarana di Bukit Tengkorak bagi kemudahan awam. Penglibatan dalam pembangunan di Bukit Tengkorak adalah usaha untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat khususnya generasi muda agar dapat memupuk kecintaan dan rasa kesepuhyaan terhadap warisan-

warisan dan tinggalan nenek moyang. Menurut Afrizal (2013), Rasa kesepunyaan bersama yang mereka miliki akan mendorong mereka menjadi lebih komited dalam memperbaiki persekitaran dan menjaga keceriaan sehingga wujud suasana yang sihat dan berdaya huni.



Rajah 2.1: Kerangka Teoritikal

## 2.4 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan ke atas tapak-tapak warisan merupakan aktiviti yang penting. Ia bukan sahaja dapat mengekalkan nilai dan estetika warisan, malah ia juga mampu memberikan nilai yang berharga kepada pembangunan dan peningkatan kualiti hidup. Kelestarian dan nilai warisan di tapak warisan perlu dikekalkan agar aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan dapat dijalankan secara berterusan. Oleh yang demikian, isu-isu yang menjadi penghalang kepada usaha melestarikan tapak warisan hendaklah diatasi dengan perancangan lebih sistematik dan bersifat menyeluruh dengan penyertaan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan seperti badan organisasi bukan kerajaan (NGO) dan penglibatan pihak berkepentingan seperti Jabatan Warisan Negara (JWN). Kajian-kajian daripada beberapa penyelidik yang lepas menunjukkan bahawa pihak berkepentingan telah berusaha untuk memelihara dan memulihara tapak-tapak warisan yang terdapat di Malaysia. Pihak kerajaan juga telah berusaha untuk menangani pelbagai isu serta cabaran yang menjadi penghalang dalam usaha menjaga kelestarian tapak-tapak warisan. Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan bukanlah tanggungjawab pihak kerajaan sepenuhnya, tetapi ia juga merupakan tanggungjawab bersama dengan masyarakat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI

#### 3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan kaedah, cara dan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data sepanjang menjalankan kajian. Metodologi kajian merupakan proses yang penting dalam menghasilkan sesuatu kajian yang bersifat ilmiah dan relevan. Metodologi kajian merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Metodologi kajian juga merupakan kaedah atau teknik merekabentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian (Sarah, 2015). Menurut Sarah (2015) lagi, metodologi kajian menerangkan bagaimana langkah-langkah atau cara sesuatu masalah yang dikaji dan faktor sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Menurut Hazila (2015), metodologi merupakan sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Ia merangkumi kaedah, cara, serta pendekatan yang digunakan untuk memenuhi setiap persoalan dan objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Tujuan metodologi kajian adalah untuk membantu memahami dengan lebih luas dan lebih terperinci tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian (Sarah, 2015). Penggunaan kaedah metodologi kajian untuk mendapatkan data dalam menjalankan kajian menjadikan perjalanan kajian lebih terurus dan terarah serta lebih sistematik dalam usaha untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Dalam kajian ilmiah, metodologi kajian merupakan elemen utama untuk menjawab setiap persoalan dan mencapai objektif kajian. Sebagai kesimpulan, metodologi kajian merupakan kaedah pengumpulan data yang diperlukan dalam penyelidikan.

### 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merujuk kepada cara penyelidik mengendali kajian serta prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan kaedah kualitatif untuk memperoleh data yang diperlukan.

#### 3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif merupakan penyelidikan yang menekankan kepada fenomena objektif serta dikawal melalui pengumpulan dan analisis data (Fraenkel, 2007). Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang menekankan kepada penghasilan makna untuk memahami fenomena sosial (Jasmi, 2012). Menurut Zainuddin, et al., (20), penyelidikan kualitatif merupakan satu kajian ke atas situasi dan individu untuk mendapatkan maklumat secara terperinci serta mendalam. Kaedah kualitatif berbentuk deskriptif, secara lisan atau tulisan mengenai tingkah laku manusia (Jasmi, 2012). Menurut Jasmi (2012) lagi, data kualitatif diperoleh melalui temubual, pemerhatian dan melalui bahan-bahan bertulis.

### 3.3 PENGUMPULAN DATA

Dalam kajian ini, terdapat dua kaedah pengumpulan data yang digunakan iaitu data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data utama atau data asas yang digunakan dalam penyelidikan. Menurut Sharma (2018), data utama digambarkan sebagai jenis data yang diperoleh secara langsung dari tangan pertama subjek kajian atau responden atau pemberi maklumat. Menurut Jasmi (2012), sumber data primer adalah responden dan informan. Menurut beliau, responden adalah sumber data tentang keragaman dalam gejala, berkaitan dengan perasaan, kebiasaan, sikap, motif dan persepsi manakala informan adalah sumber data yang berhubungan dengan pihak ketiga dan data tentang hal yang membentuk atau gejala umum. Menurut Yusof (2004), data primer adalah data yang berasal dari sumber asli atau edisi asal. Data primer merupakan data yang diperoleh melalui kaedah pemerhatian dan temubual.

Kaedah pertama yang digunakan untuk mendapatkan data adalah kaedah pemerhatian. Kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang terawal dalam penyelidikan. Kaedah ini biasanya digunakan dalam kajian atau penyelidikan yang berbentuk ujikaji,

deskriptif atau historikal. Kaedah pemerhatian dapat dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu kategori tingkah laku, unit tingkah laku, paras tafsiran pemerhati, generalisasi dan penggunaan serta persampelan tingkah laku (Duncan, 1989). Menurut beliau, kategori-kategori tingkah laku tersebut mempunyai kaitan antara satu sama lain. Menurut Merriam (2002), kaedah pemerhatian merupakan cara terbaik untuk mendapatkan data asal '*first hand encounter*'. Kaedah pemerhatian yang digunakan adalah kaedah pemerhatian turut serta. Pengkaji perlu menghadirkan diri di kawasan kajian dan mencatat maklumat yang diperlukan di dalam buku catatan dan merekod keadaan lokasi kajian. Pengkaji juga perlu serta menangkap gambar sebagai bukti dan dapat dijadikan sebagai rujukan di masa hadapan. Melalui kaedah pemerhatian turut serta, pengkaji dapat melihat sendiri sejauhmana penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan di Bukit Tengkorak.

Kaedah yang seterusnya adalah kaedah temubual. Kaedah temubual adalah kaedah pengumpulan maklumat melalui lisan. Kaedah temubual terdiri daripada temubual formal, temubual tidak formal dan temubual terbuka (Patton, 1980). Pengkaji akan menggunakan kaedah temubual tidak formal untuk mengelakkan keadaan atau rasa janggal semasa sesi temubual dijalankan. Responden yang ditemubual sebaiknya orang yang mahir dalam bidang berkenaan. Sebelum menemubual responden, pengkaji perlulah membuat persediaan awal seperti memahami konsep yang jelas tentang maklumat yang diperlukan. Selain itu, pengkaji juga perlu menyediakan soalan atau komen yang diperlukan untuk setiap tindakbalas. Pengkaji juga perlu menyediakan pita rakaman audio untuk membolehkan semua maklumat direkod dan dapat dijadikan rujukan semula. Dengan menggunakan rakaman, pengkaji dapat menumpukan sepenuh perhatian semasa temu bual dan mencatat nota-nota penting semasa dan selepas temu bual untuk mendapatkan penjelasan pada sesetengah isi tertentu (Scoboria Alan, 2008).

Seterusnya adalah pengumpulan data melalui data sekunder. Data sekunder merujuk kepada bahan rujukan seperti buku, majalah, akhbar, internet, jurnal dan sebagainya. Data sekunder adalah sebagai panduan untuk menyokong data atau fakta-fakta yang diperolehi daripada responden dan pengkaji perlu menggunakan beberapa jenis bahan rujukan seperti buku rujukan, internet dan akhbar (Dana, 2017). Menurut Ziebland et al (2016), pengkaji perlu mendapatkan data dengan cara mengunjungi perpustakaan, pusat arkib, pusat pengajian atau banyak membaca buku yang berkaitan dengan penyelidikan mereka. Pengkaji perlu membuat kajian kepustakaan untuk

mendapatkan data yang diperlukan mengenai aktiviti-aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak atau keterlibatan komuniti setempat dalam menjaga kelestarian tapak arkeologi Bukit Tengkorak. Kaedah kepustakaan telah dijalankan oleh pengkaji sebelum melaksanakan kajian dengan lebih mendalam. Pengkaji perlu mencari dan mendapatkan maklumat mengenai tajuk kajian yang hendak dijalankan terlebih dahulu. Pengkaji mendapatkan maklumat berdasarkan jurnal, tesis, artikel dan laporan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan tapak arkeologi dan kajian yang dijalankan di Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah.

### **3.4 PERSAMPELAN KAJIAN**


Pengkaji menggunakan teknik ‘snowball’ atau bola salji untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan di tapak arkeologi. Pengkaji akan menemubual beberapa penduduk tempatan mengenai Bukit Tengkorak. Kaedah ini akan membawa pengkaji kepada orang sumber yang lain yang berupaya memberikan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji dalam penyelidikan. Kaedah bola salji ini digunakan oleh pengkaji untuk menemubual beberapa informan yang telah dipilih iaitu seramai 8 hingga 10 orang. Pengkaji juga akan menemubual pegawai Muzium Tun Sakaran dan Galeri Warisan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut. Setelah selesai menjalankan sesi temubual, pengkaji akan meminta cadangan daripada infroman tersebut untuk menemubual lebih ramai lagi informan yang mempunyai pengetahuan mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan di Bukit Tengkorak. Kaedah bola salji ini akan dijalankan secara berterusan sehingga pengkaji memperoleh maklumat yang diperlukan.

### **3.5 INSTRUMEN KAJIAN**

Instrumen kajian merupakan cara atau kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data. Menurut Dana (2017), instrumen kajian digunakan sebagai asas bagi memperoleh data seperti mana yang dikehendaki oleh penyelidik untuk mencapai objektif kajian. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian, kaedah temubual dan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian ini. Pengkaji perlu mengajukan soalan atau memberikan pernyataan yang dibentuk khas untuk memperoleh maklumat penyelidikan.

### 3.6 KAEADAH ANALISIS DATA

Menurut Bakar (2007), analisis data merupakan satu kaedah untuk mengawal dan mempersembahkan data serta prosedur statistik. Sesuatu analisis data dibuat berdasarkan hipotesis atau soalan kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik sendiri. Menurut Taylor (1975), kaedah menganalisis data adalah proses yang memperincikan usaha formal untuk mencari tema dan merumuskan hipotesis seperti yang disarankan sebagai usaha untuk memberikan bantuan dan tema mengenai hipotesis. Berikut merupakan teknik atau carta aliran proses analisis data yang dijalankan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat mengenai penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak.



Rajah 3.1: Carta aliran proses analisis data

Kaedah yang digunakan untuk menganalisis data oleh pengkaji adalah kaedah analisis tematik. Pengkaji akan menganalisis data bermula daripada proses transkripsi data. Proses transkripsi data adalah proses menukar audio kepada teks. Setelah itu, pengkaji akan membaca semula data-data yang diperoleh untuk memastikan kerelevanannya untuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Pembacaan semula juga dilakukan untuk pengkaji menentukan tema kajian. Seterusnya, pengkaji akan membuat triangulasi data iaitu dengan membuat pemilihan sub-kumpulan dan meletakkan kod bagi setiap kumpulan. Akhir sekali, pengkaji akan membuat semakan semula data-data yang

diperoleh daripada responden untuk pengesahan data dan seterusnya dimasukkan ke dalam dapatan kajian.

### 3.7 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, bab 3 ini merupakan bab yang menerangkan mengenai metodologi atau kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam menyiapkan kajian. Kaedah serta proses-proses yang telah disusun dan dirancang dalam bab ini akan memudahkan proses penganalisisan data serta memudahkan pendokumenan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga berharap agar kaedah-kaedah seperti mendokumentkan tapak-tapak warisan di Malaysia dapat meningkatkan penghayatan seni warisan dalam kalangan masyarakat.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Penulisan dalam bab 4 menyentuh mengenai dapatan kajian yang membincangkan mengenai data-data atau hasil yang diperolehi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ke lapangan iaitu Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah. Dapatan kajian yang dihuraikan dalam bab ini merupakan data-data yang diperoleh dengan menggunakan kaedah tertentu seperti kaedah pemerhatian, temubual dan kajian kepustakaan. Kajian ini dianalisis menggunakan pendekatan Teori Fungsionalisme bagi menganalisis penglibatan komuniti setempat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak, Semporna.

#### 4.2 ANALISIS DATA DAN TEMUBUAL RESPONDEN

Data-data yang dibincangkan dalam bab ini merupakan data yang diperoleh hasil daripada temubual bersama tujuh orang informan yang mempunyai pengetahuan terhadap Bukit Tengkorak.. Temubual telah dijalankan keatas tujuh orang informan yang terdiri daripada penduduk sekitar Bukit Tengkorak iaitu Kampung Tampi-Tampi. Temubual juga dijalankan keatas Ketua Bahagian Rangkaian Muzium Daerah Semporna dan Ketua Bahagian Muzium Wilayah Pantai Timur Sabah.


Kod	Huraian
R1-KBMWPTS	Ketua Bahagian Muzium Wilayah Pantai Timur Sabah
R2-KBRMDS	Ketua Bahagian Rangkaian Muzium Daerah Semporna
R3-RPK, R4-RPK, R5-RPK, R6-RPK, R7-RPK	Responden Penduduk Kampung

Jadual 4.1 : Kod responden dan huraianya

(Sumber: Kajian Lapangan, 2020)

#### 4.3 SEJARAH PERKEMBANGAN BUKIT TENGKORAK

Bentuk muka bumi atau geologi Semporna banyak terdiri daripada bukit-bukau dan gunung-ganang. Sesetengah daripada gunung-ganang tersebut merupakan bekas jaluran volkanik dari Kepulauan Sulu sehingga ke Kepulauan Pasifik atau lebih dikenali sebagai “*The Pacific Rim of Fire*”. Tapak arkeologi Bukit Tengkorak juga merupakan salah satu tapak pelindung gua batuan volkanik. Menurut Chia (2016), kajian geologi yang dijalankan di Bukit Tengkorak dan persekitarannya mendapati bahawa Bukit Tengkorak merupakan sebahagian daripada bibir kawah gunung berapi yang berdiameter lebih kurang dua kilometer persegi. Pada tahun 1994 dan 1995, Profesor HD Tijia dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengetuai satu survei geologi secara usahasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dan Jabatan Muzium Sabah berkaitan dengan Bukit Tengkorak. Dapatan penyelidikan mereka membuktikan bahawa Bukit Tengkorak adalah merupakan sebahagian daripada kawah gunung berapi (Chia, 2016) yang berdiameter dua kilometer. Chia (2016) berpendapat bahawa survei yang dijalankan oleh Jabatan Geologi Kota Kinabalu menyatakan bahawa Bukit Tengkorak pada awalnya merupakan sebuah pulau.



Rajah 4.1 : Peta Lokasi Bukit Tengkorak

(Sumber: Buku Arkeologi Bukit Tengkorak, Sabah, 2016)

Responden pertama berpendapat bahawa penyelidikan tersebut juga adalah bagi mengukuhkan teori yang berhubungkait dengan pertembungan budaya melalui migrasi dan perdagangan maritim yang pernah berlaku pada zaman Neolitik. Perbincangan ini adalah seperti temubual berikut:

*Bukit Tengkorak pada masa dahulu dikenali sebagai Bukit Kabongan oleh penduduk setempat dan Hood Hill oleh ahli arkeologi. Penemuan dua tengkorak dan rangka manusia moden menyebabkan Bukit Kabongan ini lebih dikenali sebagai Bukit Tengkorak oleh penduduk setempat. Mengikut Kajian yang dilakukan oleh kumpulan penyelidik dari USM dan Jabatan Muzium Sabah selama 20 tahun telah membuktikan bahawa Bukit Tengkorak merupakan sebuah Tapak Prasejarah yang penting di Asia Tenggara dan Kepulauan Pasifik. Kajian bersama ini bagi menguatkan lagi teori mengenai perhubungan atau pertembungan budaya melalui migrasi manusia dan perdagangan maritim pada zaman Neolitik dan mencari hubungkaitnya dengan peralatan tembikar yang ditemui di Tapak Bukit Tengkorak seawal 3000 tahun yang lalu. Bukit Tengkorak*

*ini juga dipercayai adalah bekas tapak pembuatan tembikar yang terbesar di Asia Tenggara pada zaman Neolitik.*

(R1-KBMWPTS)

Penyelidikan arkeologi yang dijalankan oleh ahli-ahli arkeologi di Bukit Tengkorak pada tahun 1993 mendapati bahawa tapak tersebut merupakan kawasan penghasilan tembikar tanah yang terbesar di Asia Tenggara pada zaman Neolitik (Chia, 2003). Menurut Chia (2003) lagi, kedudukan Bukit Tengkorak juga terletak berdekatan dengan Lautan Sulawesi dan menjadi tumpuan pedagang asing pada ketika itu. Kajian yang dijalankan oleh USM dan Jabatan Muzium Sabah turut membuktikan bahawa Bukit Tengkorak merupakan lokasi pembuatan tembikar yang terbesar di Asia Tenggara pada zaman Neolitik. Hal ini dapat dibuktikan dengan penemuan serpihan tembikar yang berusia 3000 tahun di Bukit Tengkorak. Chia (2007) berpendapat bahawa penyelidikan arkeologi di Bukit Tengkorak membuktikan bahawa terdapat kewujudan habitat manusia dari 240 hingga 1000 sebelum masihi di Semporna, Sabah. Bukti arkeologi adalah termasuk kuantiti artifak purba yang banyak seperti alat batu-batuhan, tembikar dan makanan yang dijumpai dalam ekskavasi di Bukit Tengkorak (Chia, 2007).

Responden kedua berpendapat bahawa,

*Bukit Tengkorak ni bukan nama asal.. nama asalnya ialah Bukit Kabogan. Masyarakat mendaki Bukit Tengkorak yang ketika itu masih Bukit Kabogan, menemui tengkorak manusia.. lama-lama jadi bualan mulut masyarakat, maka jadilah Bukit Tengkorak.*

(R2-KBRMDS)

Manakala ahli-ahli arkeologi menyebut Bukit Tengkorak sebagai “Hood Hill”. Menurut Chia (2016), Bukit Tengkorak pada awalnya dikenali sebagai Bukit Kabogan oleh penduduk tempatan tetapi penemuan rangka manusia di bukit tersebut menyebabkan ia lebih dikenali sebagai Bukit Tengkorak. Menurut Bellwood (1989) pula, tapak arkeologi ini dinamakan sebagai Bukit Tengkorak kerana penemuan tengkorak manusia di bukit tersebut. Bellwood (1989) juga mengatakan bahawa dua tengkorak manusia moden yang ditemui di Bukit Tengkorak merupakan mangsa pembunuhan semasa perang dunia kedua. Hasil penyelidikan selama 20 tahun dengan kerjasama penyelidikan bersama dengan penyelidik dari USM dan Jabatan Muzium Sabah telah membuktikan bahawa Bukit Tengkorak berpotensi untuk dijadikan tapak arkeologi. Penyelidikan

tersebut juga telah membuktikan bahawa Bukit Tengkorak merupakan sebuah tapak prasejarah yang penting di Asia Tenggara dan Kepulauan Pasifik.

Perbincangan ini disokong oleh responden ketiga yang berpendapat bahawa,

*Setakat yang saya ketahui, Bukit Tengkorak ini sebenarnya adalah satu kawasan atau tempat yang telah diusahakan oleh orang-orang tertentu yang ada hak di kampung Tampi-Tampi pada ketika itu. Tujuan orang tersebut mengusahakannya adalah bermotifkan keuntungan yang bercirikan pelancongan. Tidak lama kemudian, tempat ini telah diambil alih oleh Taman-Taman Sabah.*

(R3-RPK)

*Bukit Tengkorak ni dulu kepunyaan orang Tampi-Tampi.. mertua kepada si Sahari.. Sahari ni bekas pekerja am di PPD*

(R4-RPK)

*Tapak bersejarah.. banyak tengkorak.. banyak artifak dijumpa di sana.. ada tembikar yang dibuat dari tanah liat*

(R5-RPK)

*Bukit Tengkorak adalah kawasan pelancongan.. tempat hiking.. tapi apa yang saya tahu, pernah ada tengkorak yang dijumpa di Bukit Tengkorak satu ketika dahulu...*

(R6-RPK)

*Saya pernah datang ke Bukit Tengkorak.. ada pameran artifak di galeri sebelum mendaki.. tempat ni pernah juga jadi bahagian dari gunung berapi*

(R7-RPK)

#### **4.4 ARTIFAK DI BUKIT TENKORAK**

Artifak merupakan alatan buatan manusia pada zaman prasejarah. Penemuan artifak di Bukit Tengkorak merupakan dua tengkorak dan rangka manusia. Kedua-dua rangka manusia tersebut dipercayai merupakan mangsa pembunuhan semasa pemerintahan Jepun (Chia, 2016). Bellwood (1989) juga mengatakan bahawa dua tengkorak manusia moden yang ditemui di Bukit Tengkorak merupakan mangsa pembunuhan semasa perang dunia kedua. Menurut Chia (2016), penduduk tempatan menemukan dua tengkorak dan rangka manusia moden di atas Bukit Tengkorak. Tengkorak yang ditemui tersebut disimpan di makmal sains di salah sebuah sekolah yang terdapat di Semporna iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Panglima Abdullah

pada tahun 1973. Sekumpulan guru dan pelajar dari SMK Datuk Panglima Abdullah yang diketuai oleh sukarelawan *Peace Corps* dari Amerika iaitu John Morgan, telah mendaki Bukit Tengkorak dan mengambil tengkorak dan rangka manusia yang dijumpai tersebut untuk di simpan di makmal sains SMK Datuk Panglima Abdullah, Semporna Sabah pada tahun 1973 (Chia, 2016).

Selain itu, artifak yang dijumpai oleh penyelidik di Bukit Tengkorak adalah serpihan tembikar. Penyelidikan daripada ahli arkeologi menunjukkan Bukit Tengkorak merupakan tapak pembuatan tembikar pada zaman Neolitik. Menurut Bellwood (1989), Bukit Tengkorak dikenali sebagai tapak prasejarah yang penting kerana ia merupakan sebuah tapak pembuatan dan penghasilan tembikar yang terbesar di kepulauan Asia Tenggara pada zaman Neolitik. Hasil daripada kajian ekskavasi yang dijalankan di Bukit Tengkorak menunjukkan bahawa terdapat 20,236 keping serpihan tembikar yang ditemui. Berpuluhan ribu serpihan tembikar tanah yang berusia 3000 tahun dahulu dan dihiasi dengan pelbagai corak telah ditemui di Bukit Tengkorak (Jabatan Warisan Negara, 2019).



Rajah 4.2: Serpihan Tembikar

(Sumber: Buku Arkeologi Bukit Tengkorak, Sabah, 2016)

Serpihan-serpihan tembikar tersebut digali dan kebanyakannya daripada serpihan tersebut disaluti oleh lapisan abu tebal yang berukuran 50-80 cm. Chia (2016) mencadangkan bahawa lapisan abu tebal tersebut merupakan sisa daripada relau terbuka yang digunakan untuk membakar tembikar. Tembikar yang dihasilkan oleh masyarakat prasejarah di Bukit Tengkorak pada awalnya adalah tembikar yang mempunyai penutup atau disebut sebagai kombinasi ‘*vessel-and-lid*’.

Selain tembikar, masyarakat prasejarah di Bukit Tengkorak juga menghasilkan dapur kayu (*Lapohan*) yang diperbuat daripada tanah liat. Tembikar yang dihasilkan diinovasikan dengan mengukir pelbagai corak pada permukaan dan penutup tembikar. Masyarakat prasejarah mengukir corak-corak pada permukaan tembikar dengan menggunakan jari, batu-batuhan atau buluh. Tembikar-tembikar yang dihasilkan akan digunakan sebagai tempat penyimpanan makanan dan dapur yang digunakan untuk memasak. Menurut Shahiruddin (2008), tembikar yang diperbuat daripada tanah liat merupakan jumpaan artifak yang digunakan oleh masyarakat prasejarah untuk menyimpan air dan makanan samada dalam bentuk cecair maupun pepejal.



Rajah 4.3: Dapur kayu diperbuat daripada tanah liat (*Lapohan*)

(Sumber: *The Little Totis in a Big Big World* | Pulau Selakan, Semporna, 2014)

Sumber tanah liat bagi pembuatan tembikar dan serpihan tembikar tanah yang berusia 3,000 tahun dahulu turut ditemui di Bukit Tengkorak. Tembikar awal berusia sekitar 3,000 tahun di Bukit Tengkorak terdiri daripada tembikar tanpa lakaran dan bersalut merah dalam bentuk tempayan, mangkuk dan dapur (Chia, 2007). Penemuan tembikar di Bukit Tengkorak mempunyai persamaan dengan tembikar-tembikar yang ditemui di Indonesia dan Filipina. Hal ini jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan perdagangan yang berlaku pada zaman itu. Menurut Chia (2007), penemuan ini memberi bukti yang kukuh bahawa terdapat perhubungan atau perdagangan laut yang terpanjang sekali di dunia di antara timur Sabah dan Melanesia iaitu sejauh lebih 3,500 kilometer pada Zaman Neolitik. Bukti ini secara tidak langsung mencadangkan bahawa manusia prasejarah telah mempunyai teknologi belayar dan telah merentasi lautan dari Melanesia

ke Kepulauan Asia Tenggara, 2,000-3,000 tahun sebelum Kapten James Cook menjelajahi kepulauan Asia Tenggara dan lautan Pasifik pada 1768-1979 (Chia, 2007).

Seterusnya, terdapat juga batu-batuan yang ditemui di Bukit Tengkorak. Menurut Bellwood (1989), terdapat banyak alatan batu yang dijumpai di Bukit Tengkorak tetapi tiada sebarang peralatan logam yang dijumpai di lokasi tersebut. Batuan yang ditemui adalah alat batu mikrolit iaitu alat repehan dan penggerudi akik dan rijang, batu pemukul kulit kayu dan batu teras serta kapak beliung. Alatan batu tersebut digunakan oleh masyarakat prasejarah di Bukit Tengkorak dalam aktiviti menangkap dan menyiang ikan, berburu, melapah haiwan serta mengikis kayu atau rotan. Manakala penggerudi digunakan untuk menebuk cengkerang atau kulit binatang yang keras. Batu pemukul kulit kayu pula digunakan untuk membuat pakaian daripada kulit kayu. Batu-batuan yang digunakan oleh masyarakat prasejarah di Bukit Tengkorak boleh diperolehi di kawasan persekitaran Bukit Tengkorak.



Rajah 4.4: Jenis alat batu Beliung yang dijumpai di Bukit Tengkorak.

(Sumber: Buku Arkeologi Bukit Tengkorak, Sabah, 2016)

Selain tembikar dan alat batu-batuan, ahli-ahli arkeologi juga turut menemui sisa-sisa fauna seperti cengkerang, tulang ikan dan tulang haiwan. Hasil daripada ekskavasi ini menunjukkan diet makanan masyarakat prasejarah di Bukit Tengkorak. Makanan utama masyarakat prasejarah di Bukit Tengkorak adalah berasaskan laut kerana kedudukan Bukit Tengkorak yang berdekatan dengan laut. Masyarakat Prasejarah di Bukit Tengkorak adalah masyarakat pertama yang mengeksplorasi laut dalam (Bellwood, 1989).



Rajah 4.5: Sisa-sisa tulang ikan yang ditemui di Bukit Tengkorak.

(Sumber: Buku Arkeologi Bukit Tengkorak, Sabah, 2016)

Menurut Chia (2007), penyelidikan ekskavasi yang dijalankan oleh ahli-ahli arkeologi di Bukit Tengkorak mendapati bahawa keseluruhan jumpaan di tapak tersebut adalah sebanyak 1289 artifak batu-batuan, 13,719 serpihan tembikar, 1576 gram tulang ikan dan 4750.2 gram sisa moluska. Perbincangan ini adalah seperti petikan temubual tersebut:

*Salah satunya adalah serpihan tembikar dengan hiasan berlainan. Alat Batu Beliung, Alat repehan dan pelbagai jenis batu pemukul seterusnya beberapa jenis kulit cengkerang dan sisa tulang ikan..*

(R1-KBMWPTS)

*Penemuan tengkorak dan rangka manusia di Bukit Tengkorak membawa kepada proses penyelidikan dan ekskavasi daripada Jabatan Muzium Sabah dengan kerjasama daripada Universiti Sains Malaysia. Tengkorak tersebut diambil dan disimpan di SMK Datuk Panglima Abdullah. Tengkorak tu bukan artifak utama kerana ia merupakan manusia di zaman pemerintahan Jepun. Terdapat juga keranda tetapi keranda tersebut bukan dimiliki oleh muslim kerana pada masa itu belum ada penyebaran agama.. Artifak utama adalah serpihan tembikar kerana Bukit Tengkorak adalah tempat pembuatan tembikar di Asia Tenggara pada masa itu.. hasil ekskavasi oleh USM dan Jabatan Muzium Sabah menemui artifak seperti kerang, serpihan tembikar dan lapohan.*

(R2-KBRMDS)

*Apa yang saya tahu, artifak di Bukit tengkorak ialah serpihan tembikar dan beberapa jenis kulit cengkerang. Ada juga sisa tulang ikan..*

(R3-RPK)

*Banyak serpihan tembikar sebab tempat ni dipercayai tempat penghasilan tembikar pada zaman dahulu*

(R4-RPK)

*Setakat yang saya tahu, serpihan tembikar yang dibuat dari tanah liat dijumpa di Bukit Tengkorak ni...*

(R5-RPK)

*Dari pada nama kita sudah tahu.. tengkorak manusia dijumpai di puncak Bukit Tengkorak oleh orang kampung*

(R6-RPK)

*Pelbagai jenis batuan, ada juga tengkorak manusia.. batu nisan dan pelbagai jenis peralatan dapur dipamerkan dalam galeri*

(R7-RPK)

#### **4.5 KEPENTINGAN BUKIT TENGKORAK**

Setelah Bukit Tengkorak diangkat sebagai salah satu tapak arkeologi di Semporna, ia turut memberi impak yang positif kepada masyarakat dan penduduk setempat. Salah satu kesan positif Bukit Tengkorak adalah ia dapat menjana ekonomi penduduk setempat. Menurut responden, sesetengah daripada kakitangan tapak arkeologi Bukit Tengkorak merupakan penduduk asal Daerah Semporna.

Selain itu, Bukit Tengkorak juga membuka tempat ruangan riadah baru seperti pendakian. Pembukaan ruang riadah di Bukit Tengkorak sesuai untuk ruang riadah keluarga. Responden turut menyatakan bahawa aktiviti bergotong-royong yang dijalankan di Bukit Tengkorak juga dapat dijadikan sebagai salah satu aktiviti beriadah bersama keluarga. Sebagai tapak arkeologi yang mempunyai nilai estetika tersendiri, Bukit Tengkorak harus dipelihara untuk tatapan generasi masa kini dan akan datang.

Pembukaan galeri Muzium Tapak Arkeologi Bukit Tengkorak, Semporna turut memberi peluang kepada para pengunjung untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai warisan dan kebudayaan masyarakat prasejarah yang pernah mendiami

Semporna pada zaman Neolitik hingga kini. Pihak muzium juga bekerjasama dengan pihak sekolah untuk mengadakan program lawatan sambil belajar. Pihak sekolah yang terlibat termasuklah tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah. Ia juga merupakan salah satu kaedah berkesan untuk memberi kesedaran kepada generasi muda bahawa warisan dan peninggalan nenek moyang perlu dipelihara dengan baik agar dapat dielakkan daripada sebarang kemerosotan dan kerosakan.



Rajah 4.6: Lawatan SMK Balung, Tawau ke Bukit Tengkorak

(Sumber: SMK Balung Tawau *School Access Centre*, 2017)



Rajah 4.7: Lawatan Tabika Perpaduan Taman Sri Balung, Tawau

(Sumber: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2017)

Pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan oleh Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Muzium Negeri Sabah memberikan kesedaran kepada penduduk sekitar

tentang kepentingan penjagaan alam sekitar dan ekosistem. Perbincangan ini adalah seperti petikan temubual tersebut:

*Bukit Tengkorak mewujudkan peluang pekerjaan dan dapat menjana ekonomi penduduk setempat. Selain itu, dapat membuka tempat ruangan riadah baru seperti hiking.. Memberi kesedaran kepada penduduk tentang pentingnya penjagaan alam sekitar dan ekosistem..*

*Bukit Tengkorak juga dapat menyumbang kepada pelancongan warisan di Sabah. Jika dilihat melalui statistik pelawat yang berkunjung ke Bukit Tengkorak tidak kira sama ada dari dalam dan luar negara setiap tahun ianya adalah memberangsangkan..*

(R1-KBMWPTS)

*Penting Bukit Tengkorak ni terutama dalam aspek pekerjaan dan pendidikan. Peluang kerja tidaklah banyak tapi ada diberi peluang.. Sesetengah kakitangan adalah orang Semporna sendiri.. gotong-royong yang dijalankan juga dianggap sebagai aktiviti senaman.. Bukit Tengkorak merupakan tapak pelancongan yang menerima pengunjung ketiga terbanyak selain daripada Kota Kinabalu dan Sandakan. Walau bagaimanapun, jumlah pengunjung ke tempat ini telah merosot berikutan wujudnya pandemik Covid 19, khasnya di Semporna.*

(R2-KBRMDS)

*Ia menjadi daya tarikan kepada pelancong sama ada pelancong domestik maupun antarabangsa. Mengelakkan Bukit Tengkorak serta bahan-bahan warisannya akan menggamit hati para pelancong untuk melihat sendiri tentang keunikan ciptaan masyarakat terdahulu.*

(R3-RPK)

*Semangat mencintai dan menghargai sesuatu warisan dalam jiwa generasi pada masa sekarang boleh dipupuk. Semangat ini akan wujud dengan sendirinya seandainya generasi muda boleh melihat hasil usaha orang-orang, komuniti atau masyarakat tertentu dalam usaha mewujud dan mengekalkan warisan yang tercinta seperti Bukit Tengkorak, Semporna ini.*

(R4-RPK)

*Nilai keaslian alam semulajadi hendaklah dikekalkan. Warisan alam semulajadi seperti Bukit Tengkorak, Semporna memiliki keaslian alam semulajadi yang*

*tinggi dan tidak ada pada warisan alam semulajadi yang lain di negara kita ini. Oleh yang demikian, Bukit Tengkorak, Semporna ini mungkin menjadi sumber inspirasi kepada orang-orang, komuniti atau masyarakat tertentu untuk membina atau mewujudkan warisan alam semulajadi yang lain yang bukan sahaja indah malah mempunyai nilai keaslian alam semulajadi yang sangat mengagumkan.*

(R5-RPK)

*Ia boleh mengenang sejarah penting yang berlaku di negara kita. Warisan Alam Semulajadi seperti Bukit Tengkorak, Semporna yang telah diberi nafas baru berupaya mengimbaskan kembali nostalgia yang sangat bererti untuk semua lapisan masyarakat. Dalam hal ini, generasi muda akan dapat mengetahui tentang orang-orang tertentu yang telah pun terlibat dalam proses mewujud dan mengekalkannya.*

(R6-RPK)

*Memudahkan masyarakat setempat menjalankan sesuatu kajian. Bagi anak-anak Semporna yang mengkaji tentang sesuatu warisan, terutama yang berkaitan dengan warisan Bukit Tengkorak, Semporna maka mudahlah bagi mereka untuk menjalankan kajian di Bukit Tengkorak, Semporna sekaligus mengurangkan kos mereka.*

(R7-RPK)


#### **4.6 LANGKAH PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN**

Akta Warisan Kebangsaan 2005 mendefinisikan pemuliharaan termasuklah pemeliharaan, pembangunan semula, pemuliharaan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya. Menurut Burden (2004), pemuliharaan adalah sebagai pengurusan bangunan, monumen dan tapak untuk mengelakkan kereputan, kemusnahan, penyalahgunaan atau diabaikan. *International Council on Monument and Site* (ICOMOS) (1999) mendefinisikan pemuliharaan sebagai proses memulihara sesuatu tempat supaya kepentingan kebudayaan dapat dikekalkan manakala Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) (2006) mendefinisikan pemuliharaan sebagai kerja-kerja baikpulih monumen dan tapak tanah bersejarah dengan menggunakan kaedah mengekalkan seni bina dan bahan binaan yang sama atau hampir sama dengan bahan asal.

Pemeliharaan adalah perbuatan atau proses melakukan tindakan bagi mengekalkan bentuk sedia ada, integriti dan bahan sesebuah bangunan atau struktur, dan bentuk sedia ada serta tumbuhan pelindung sesuatu tapak. Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005, pemeliharaan ertinya bertujuan untuk memberhentikan kemerosotan lanjut, reput atau keadaan using dan menyediakan struktur yang selamat dan kukuh tetapi tidak menjangkakan pembangunan semula.

Seperti mana tapak-tapak warisan yang lain, tapak arkeologi Bukit Tengkorak juga melalui proses-proses pemeliharaan dan pemuliharaan atas kerjasama daripada Jabatan Muzium Negeri Sabah dan Jabatan Warisan Negara. Menurut responden pertama iaitu Penolong Kurator Jabatan Muzium Negeri Sabah, langkah serta proses pemeliharaan yang dijalankan di Bukit Tengkorak adalah konservasi pencegahan. Langkah konservasi pencegahan adalah untuk merawat kerosakan yang berlaku di Bukit Tengkorak. Langkah ini adalah untuk mengekalkan persekitaran daripada sebarang ancaman dan mengelakkan kemusnahan atau kerosakan yang berlaku. Responden kedua berpendapat bahawa langkah pemeliharaan dan pemuliharaan di Bukit Tengkorak dijalankan oleh pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Muzium Sabah. Artifak-artifak yang dijumpai hasil ekskavasi dijaga dengan baik dengan cara mewujudkan galeri untuk dipamerkan kepada pengunjung. Selain itu, responden kedua menyatakan bahawa pewartaan Bukit Tengkorak sebagai salah satu tapak arkeologi juga merupakan salah satu usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan oleh Jabatan Muzium Sabah.

Selain daripada kaedah konservasi pencegahan, pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan adalah kaedah penyelenggaraan. Kaedah ini adalah untuk menyelenggara sebarang kerosakan yang berlaku di Bukit Tengkorak. Anak tangga yang dibina disepanjang kaki bukit sehingga ke puncak Bukit Tengkorak dibina menggunakan kayu.



Rajah 4.8: Kemudahan Anak Tangga

(Sumber: *Treasure Hunt on Skull Hill of Sabah* | MySabah.com, 2013)

Selain itu, terdapat juga wakaf yang dibina di setiap hentian untuk pengunjung berehat sebelum meneruskan pendakian ke puncak Bukit Tengkorak.



Rajah 4.9: Wakaf

(Sumber: *Treasure Hunt on Skull Hill of Sabah* | MySabah.com, 2013)

Papan kenyataan turut dipaparkan di setiap hentian sepanjang pendakian ke puncak Bukit Tengkorak. Ini adalah untuk memudahkan pendakian serta memberikan kefahaman kepada pengunjung mengenai penyelidikan dan ekskavasi yang dijalankan oleh ahli arkeologi di Bukit Tengkorak. Sekiranya kemudahan tersebut mengalami kerosakan, penyelenggaraan akan dilakukan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.



Rajah 4.10: Papan kenyataan Bukit Tengkorak

(Sumber: Tengkolok Hitam | Jom ke Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah, 2010)

Kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan ke atas Bukit Tengkorak yang seterusnya adalah melalui penglibatan komuniti setempat. Komuniti setempat terlibat dalam aktiviti bergotong-royong di Bukit Tengkorak. Aktiviti bergotong-royong dijadualkan dan pembersihan akan dijalankan secara berkala. Aktiviti bergotong-royong bersama dengan penduduk setempat akan dijalankan secara harian, mingguan atau bulanan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Menurut Ketua Rangkaian Muzium Daerah Semporna, aktiviti bergotong-royong dijalankan bersama masyarakat dan para pelajar pelbagai peringkat, disamping memberi kesedaran kepada generasi muda bahawa tapak warisan merupakan elemen penting dan perlu dijaga dengan baik.

Bagi masalah vandalisme yang berlaku di Bukit Tengkorak, ia masih belum dapat dibendung sepenuhnya kerana pengunjung yang datang tidak dipantau oleh kakitangan Bukit Tengkorak. Menurut responden pertama, pihak Muzium juga tidak memperuntukkan undang-undang atau penguatkuasaan untuk membuat tangkapan terhadap pelaku vandalisme. Sekiranya berlaku vandalisme, pihak Bukit Tengkorak hanya akan memberi kuasa kepada pihak polis untuk mengendalikan kes tersebut. Menurut responden kedua pula, usaha yang dijalankan oleh pihak Bukit Tengkorak bagi menangani vandalisme adalah melalui kerjasama daripada masyarakat dalam aktiviti pembersihan. Usaha ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan kesan-kesan vandalisme yang berlaku.



Rajah 4.11: Vandalisme

(Sumber: Artifak Zaman Neolitik di Tapak Arkeologi Bukit Tengkorak, 2014)

Perbincangan ini adalah seperti petikan temubual tersebut:

*Mengurus tadbir dengan baik tahap kebersihan dan keselamatan serta tanpa ganggu usik nilai flora dan fauna di tapak tersebut adalah termasuk dalam skop pemeliharaan dan pemuliharaan tapak. Keberkesanan tersebut menjadi keutamaan utama dan telah mengekalkan imej dan nilai estetika Tapak Arkeologi Bukit Tengkorak*

(R1-KBMWPTS)

*Jabatan Muzium Sabah menambahbaik, memelihara artifak yang ditemui agar kekal.. seterusnya dijadikan pameran untuk masa akan datang.. menerima dari mana-mana pihak yang mahu sumbangkan bahan-bahan sejarah.. yang berkaitan dengan Bukit Tengkorak, cerita rakyat atau gambaran masa lalu...*

(R2-KBRMDS)

#### **4.6.1 Cadangan penambahbaikan pemeliharaan dan pemuliharaan di Bukit Tengkorak**

*Bagi saya, aspek menaik taraf harta warisan perlu dilakukan. Sebelum Bukit Tengkorak ni diambilalih oleh Taman-Taman Sabah, ia telah diasaskan oleh Encik Almaani Bin Sakkati, penduduk Kampung Tampi-Tampi, Semporna. Ketika itu, ia tidaklah semaju sekarang. Oleh itu, usaha menaik taraf perlu dijalankan.*

(R3-RPK)

*Mewujudkan kesedaran di kalangan orang awam terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam semulajadi adalah penting. Pengunjung-pengunjung yang datang ke sini (Bukit Tengkorak) sepatutnya tidak membuang sampah di merata-rata tempat untuk mengekalkan keaslian dan keindahannya.*

(R4-RPK)

*Melaksanakan usaha penghutanan semula di tempat-tempat tertentu di kawasan warisan alam semulajadi. Penghutanan semula adalah merupakan aktiviti menanam semula hutan yang telah ditebang dengan spesis pokok yang cepat semuh. Menerusi kaedah ini, kelembapan suhu dapat dikekalkan. Sepanjang perjalanan menaiki tangga untuk menuju ke puncak Bukit Tengkorak, memang terasa bahang cahaya matahari. Oleh itu, penghutanan semula di sepanjang perjalanan menuju ke puncak Bukit Tengkorak boleh menyebabkan pengunjung berasa selesa.*

(R5-RPK)

*Kerajaan hendaklah mewujud dan melaksanakan dasar atau perundangan yang berkaitan dengan usaha memelihara sesuatu warisan. Dasar atau undang-undang tersebut bukan sahaja dibentuk malah mestilah dilaksanakan agar semua langkah memelihara dan memulihara warisan mencapai matlamatnya.*

(R6-RPK)

*Keprihatinan dan kerjasama pelbagai pihak terhadap betapa pentingnya memelihara dan memulihara sesuatu warisan hendaklah diwujudkan. Kerajaan, pihak swasta serta pemimpin komuniti sepatutnya prihatin tentang kepentingan memelihara sesuatu warisan. Berdasarkan senario ini, kumpulan atau pihak seperti yang dinyatakan di atas hendaklah bekerjasama melaksanakan usaha memelihara dan memulihara sesuatu warisan agar ia terus terpelihara dan berkembang pesat.*

(R7-RPK)

#### 4.7 ANALISIS TEORI

Kajian ini dianalisis menggunakan pendekatan Teori Fungsionalisme bagi menganalisis penglibatan komuniti setempat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak, Semporna.

Secara keseluruhan, tidak banyak penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak. Hasil temubual mendapati bahawa penglibatan komuniti setempat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak adalah melalui aktiviti bergotong-royong. Aktiviti bergotong-royong bersama komuniti setempat ini dijalankan secara berkala iaitu mengikut jadual yang telah ditetapkan. Aktiviti ini juga turut melibatkan generasi muda seperti para pelajar pelbagai peringkat iaitu dari tadika, sekolah rendah, sekolah menengah mahupun pengajian tinggi. Aktiviti ini juga merupakan salah satu langkah untuk memberi kesedaran kepada generasi muda bahawa tapak warisan merupakan elemen penting dan perlu dipelihara dan dipulihara dengan baik. Penglibatan komuniti setempat dalam pembangunan di Bukit Tengkorak adalah usaha untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat khususnya generasi muda agar dapat memupuk kecintaan dan rasa kesepuhyaan terhadap warisan-warisan dan tinggalan nenek moyang. Menurut Afrizal (2013), Rasa kesepuhyaan bersama yang mereka miliki akan mendorong mereka menjadi lebih komited dalam memperbaiki persekitaran dan menjaga keceriaan sehingga wujud suasana yang sihat dan berdaya huni.

Bukit Tengkorak merupakan tapak arkeologi yang berfungsi sebagai tapak arkeopelancongan. Sepertimana pendapat responden kedua yang menyatakan bahawa Bukit Tengkorak merupakan tapak pelancongan yang menerima pengunjung ketiga terbanyak selain daripada Kota Kinabalu dan Sandakan. Hal ini menunjukkan bahawa fungsi Bukit Tengkorak sebagai tapak pelancongan diuruskan secara sistematik dan berfungsi dengan baik. Hasil penelitian melalui data sekunder mendapati bahawa fungsi Bukit Tengkorak sebagai wadah pendidikan dapat dijalankan dengan baik. Lawatan-lawatan daripada pengunjung serta kerjasama program lawatan daripada institusi pendidikan merupakan bukti yang menunjukkan bahawa tapak ini dapat dijadikan sebagai salah satu langkah untuk menarik minat para pelajar dalam subjek sejarah. Menurut Arif (2014), muzium merupakan institusi yang menyimpan pelbagai koleksi bersifat aristik, sejarah dan arkeologi yang dibuka kepada orang awam. Arif (2014) berkata lagi bahawa pameran, objek, artifak, gambar serta budaya yang dipamerkan di muzium dapat dijadikan sebagai bahan rujukan dan penyelidikan bagi orang awam.

## BAB 5

### RUMUSAN DAN PENUTUP

#### 5.1 RUMUSAN

Penulisan dalam bab ini akan merumuskan perbincangan keseluruhan bab yang telah dijalankan. Secara keseluruhan, penulisan kajian ini terbahagi kepada 5 bahagian. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penemuan artifak, menghuraikan kepentingan Bukit Tengkorak serta menganalisis penglibatan komuniti setempat dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan di Bukit Tengkorak. Sepanjang kajian dijalankan, sejarah dan latar belakang Bukit Tengkorak didedahkan. Selain itu, jenis-jenis artifak peninggalan masyarakat prasejarah yang dijumpai di Bukit Tengkorak juga dapat dikenalpasti.

Dalam penulisan bab 1, pendahuluan dan pengenalan mengenai tajuk yang dipilih dijelaskan iaitu Kajian Mengenai Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah sebagai Tapak Arkeologi. Dalam penulisan ini juga turut menyatakan permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan definisi istilah. Tiga objektif kajian dinyatakan sebagai penyelesaian kepada permasalahan kajian. Setelah itu, penulisan skop kajian dalam bab ini menunjukkan kawasan kajian yang hendak dikaji iaitu bertempat di Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah. Terdapat juga penulisan definisi istilah dalam bab 1 agar memudahkan pemahaman terhadap kajian yang hendak dijalankan.

Dalam penulisan bab 2 membincangkan tentang sorotan kajian lepas. Dokumen-dokumen atau kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan akan dihuraikan dalam bab ini. Kajian-kajian lepas serta maklumat yang terdapat dalam buku atau artikel-artikel yang berkaitan akan ditulis dalam bab 2. Penulisan dokumen, artikel yang berkaitan dalam bab ini dapat dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji dalam penulisan kajian. Menurut Rahim (2006), sorotan kajian lepas adalah proses penelitian, penilaian dan pemahaman secara mendalam terhadap hasil kajian dan penulisan lepas

yang mempunyai kaitan dengan kajian yang hendak dijalankan oleh penyelidik. Sorotan kajian lepas yang dihuraikan adalah mengenai tapak-tapak arkeologi yang dijalankan di Lembah Bujang, Kedah. Sorotan kajian lepas juga meninjau tentang pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan di tapak-tapak warisan seperti penyelidikan yang dijalankan pada tahun 2015 iaitu Kesedaran Awam terhadap Pemeliharaan dan Pemuliharaan alam semula jadi: Kes Taman Wetland, Putrajaya. Selain itu, kajian lepas mengenai Bukit Tengkorak adalah seperti Pengeluaran dan Teknologi Tembikar Prasejarah di Bukit Tengkorak, Sabah, Malaysia pada tahun 2003 dan Arkeologi Bukit Tengkorak, Sabah pada tahun 2015 yang dijalankan oleh penyelidik dari USM iaitu Stephen Chia pada tahun 2003.

Seterusnya bab 3 membincangkan tentang metodologi kajian. Metodologi merupakan kaedah kajian yang digunakan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan dalam kajian. Metodologi kajian juga merupakan kaedah atau teknik merekabentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian (Sarah, 2015). Menurut Hazila (2015), metodologi merupakan sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Untuk mendapatkan data yang diperlukan kajian ini, kaedah kualitatif digunakan sebagai kaedah kajian. Penyelidik akan menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai langkah-langkah yang digunakan dalam pengumpulan data. Seterusnya, penyelidik akan membuat persampelan kajian dan membuat analisis data. Kaedah-kaedah tersebut digunakan untuk memudahkan penyelidik mendapatkan data-data yang diperlukan sepanjang menjalankan kajian.

Bab 4 akan membincangkan mengenai hasil atau dapatan kajian. Dapatan kajian yang dihuraikan dalam bab ini merupakan data-data yang diperoleh dengan menggunakan kaedah yang telah diterangkan dalam bab 3. Data-data yang diperoleh mengenai penglibatan komuniti dalam pemeliharaan dan pemuliharaan Bukit Tengkorak akan dianalisis oleh penyelidik secara terperinci dan lebih jelas. Bab ini juga membincangkan mengenai kepentingan serta cadangan penambahbaikan pemeliharaan dan pemuliharaan yang perlu dijalankan agar dapat mengekalkan Tapak Arkeologi Bukit Tengkorak. Hasil temubual menunjukkan bahawa masyarakat setempat mempunyai pengetahuan mengenai sejarah dan kepentingan Bukit Tengkorak. Selain itu, masyarakat setempat juga terlibat dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan di Bukit Tengkorak.

## 5.2 PENUTUP

Kesimpulannya, Daerah Semporna dapat dilihat sebagai daerah yang berpotensi untuk mengembangkan potensinya sebagai destinasi pelancongan termasuk pelancongan arkeologi berdasarkan warisan-warisan arkeologi yang masih kekal. Namun bagitu, usaha untuk mengangkat Daerah Semporna sebagai destinasi pelancongan memerlukan penglibatan komuniti setempat dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan serta melestarikannya. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa budaya pembuatan tembikar ini masih lagi diamalkan oleh segelintir penduduk di Semporna dan digunakan dalam majlis-majlis tertentu seperti majlis doa selamat, majlis pertunangan dan lain-lain.

Tapak warisan ini perlu sentiasa dipantau dari semasa ke semasa dan dipelihara serta dipulihara mengikut akta yang telah diperuntukan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005. Tapak arkeologi merupakan salah satu tapak warisan semulajadi yang tertakluk di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan di Bukit Tengkorak tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik tanpa bantuan daripada masyarakat di sekitar Bukit Tengkorak. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh pengkaji juga dapat dijadikan sebagai salah satu langkah pemeliharaan dan pemuliharaan yang berkesan. Hal ini kerana, pendokumentasian yang dijalankan boleh dijadikan sebagai rujukan oleh generasi muda pada masa akan datang. Penyelidik juga mencadangkan agar pihak berkepentingan melaksanakan program berasaskan warisan untuk menarik minat pengunjung untuk berkunjung ke Bukit Tengkorak. Penyelidik juga mencadangkan agar institut galeri Bukit Tengkorak dinaiktaraf agar fungsinya sebagai aspek pendidikan lebih berkesan.

## RUJUKAN

Abdullah, F., Jusoh, A., Nayan, N., & Ramli, Z. (2016). Arkeopelancongan Di Lembah Bujang: Isu, Dilema Dan Cabaran. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 29(2).

Abdullah, F., Jusoh, A., Nayan, N., & Ramli, Z. (2016). Tapak warisan arkeologi Lembah Bujang: keunikan arkeopelancongan di negeri Kedah.

Abdul Razak, Norhanim (2006) *Pelancongan warisan: Satu tinjauan global*. In: Pengurusan Abdullah, F., Jusoh, A., Nayan, N., & Ramli, Z. (2016). Arkeopelancongan Di Lembah Bujang: Isu, Dilema Dan Cabaran. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 29(2).

Afrizal, Fitrah. 2013. Analisis Pengaruh Tingkat Investasi, Belanja Daerah dan Tenaga Kerja Terhadap PDRB di Provinsi Sulawesi Selatan Tahun 2001-2011. Skripsi. Fakultas Ekonomi Universitas Hasanuddin Makasar.

Albert, D. D. A., Bujeng, V., & Chia, S. (2017). Analisis awalan sisa-sisa cangkerang moluska prasejarah akhir di Melanta Tutup dan Bukit Kamiri, Semporna, Sabah. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 30(1).

Bab 3 Metodologi kajian from

<https://crazylinguists.wordpress.com/category/siti-sarah-a141264/bab-3-metodologi-kajian-sarah/>

Metodologi kajian from

<https://yuslalaintan.wordpress.com/2015/03/31/bab-3-metodologi-kajian/>

Metodologi kajian from

<https://yuslalaintan.wordpress.com/category/dialek-padang-besar-perlis/nor-hazila-a145326/bab-3-metodologi-kajian-hazila/>

Bachri, B. S. (2010). Meyakinkan validitas data melalui triangulasi pada penelitian kualitatif. *jurnal teknologi pendidikan*, 10(1), 46-62.

Bakar, B. A. (2007). *Kaedah analisis data penyelidikan ilmiah*. Utusan Publications.

Bellwood, P. (1989). Archaeological investigations at Bukit Tengkorak and Segarong, southeastern Sabah. *Bulletin of the Indo-Pacific Prehistory Association*, 9, 122-162.

Bogdan, R., Taylor, SJ, & Taylor, SS (1975). *Introduction to qualitative research methods: A phenomenological approach to the social sciences*. Wiley-Interscience.

CampbellL, K. (1984). Functionalism. In *Body and Mind: Second Edition* (pp. 110-123). Notre Dame, Indiana: University of Notre Dame Press. Retrieved May 22, 2020, from [www.jstor.org/stable/j.ctvpj7g1v.9](http://www.jstor.org/stable/j.ctvpj7g1v.9)

Chai, S. Archaeological Research at Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah in 2007. *Traditional Dusun Pottery-Making at Kampung Melangkap Kapa, Kota Belud, Sabah*, 37.

Chia, S. (2003). Prehistoric pottery production and technology at Bukit Tengkorak, Sabah, Malaysia. *Earthenware in Southeast Asia*, 187-200.

Chia, S. (2016). *Arkeologi Bukit Tengkorak, Sabah (Penerbit USM)*. Penerbit USM.

Chia, S. (2003). Prehistoric pottery production and technology at Bukit Skull, Sabah, Malaysia. *Earthenware in Southeast Asia* , 187-200.

Choy, E. A., Awal, N. A. M., & Shamsudin, M. F. (2015). Kesedaran awam terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi: Kes Taman Wetland, Putrajaya. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(8), 13-26.

Duncan, D. F. (1989). Content analysis in health education research: An introduction to purposes and methods. *Health Education*, 20(7), 27-31.

Data, I. Q., & Silverman, D. (2011). A Guide to the Principles of Qualitative Research.

Dana, Lee & Pang (2013) Jurnal Penyelidikan Pendidikan. Retrieved from

<https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/penyelidikan/1357-jurnal-2017/file>

Hussin, A. A. (Ed.). (2014). *Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia (Penerbit USM)*. Penerbit USM.

Hurst, M., Dittmar, H., Bond, R., & Kasser, T. (2013). The relationship between materialistic values and environmental attitudes and behaviors: A meta-analysis. *Journal of Environmental Psychology*, 36, 257-269.

Ithnin. H (2018, October 2) Pelancongan Arkeologi. Retrieved from <https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20181002/283970358384050>

Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif. 1-15.

Jahi, J. M. (2009). Pembangunan Pelancongan dan impaknya terhadap persekitaran fizikal pinggir pantai. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 10(2), 71-87.

Mishra, N., Soni, H. K., Sharma, S., & Upadhyay, A. K. (2018). Development and Analysis of Artificial Neural Network Models for Rainfall Prediction by Using Time-Series Data. *International Journal of Intelligent Systems & Applications*, 10(1).

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2018) Universiti Kebangsaan Malaysia. Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malsyaia. Bil. 17(2) 2018

Merriam, C. (2002). *U.S. Patent No. 6,408,187*. Washington, DC: U.S. Patent and Trademark Office.

Narayanan, S. (2011). *The Past and Present Pottery in Semporna, Sabah* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).

Patton, M. Q. (1980). Qualitative evaluation methods.

Persekutuan dan pelancongan di Malaysia konsepsi dan kajian. Universiti Utara Malaysia, Sintok, pp. 91-106. ISBN 983328275X

Pope, C., Ziebland, S., & Mays, N. (2000). Qualitative research in health care: Analysing qualitative data. *BMJ: British Medical Journal*, 320(7227), 114.

Rahim, R. A. A., & Awang, I. (2006). Sorotan Kajian Lepas: Teori dan Amalan dalam Penyelidikan Islam. *Jurnal Fiqh*, 3, 133-156.

Rohana, Y. (2004). Penyelidikan Sains Sosial. *Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.*

Samsudin, A., Masron, T., Saidin, M., Abdullah, J., Shahidan, S., & Global, P. P. A. Lembah Bujang, Sebuah Kerajaan Lama yang Berpusat: Dari Perspektif Sistem Maklumat Geografi (GIS).

Scarre, C. (1999). *The seventy wonders of the ancient world.*

Scoboria, A., Ford, J., Lin, H. J., & Frisman, L. (2008). Exploratory and confirmatory factor analyses of the structured interview for disorders of extreme stress. *Assessment*, 15(4), 404-425.

Shahiruddin. N (2008) *Kajian Tembikar Arkeologi Tanah Liat di Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah dengan menggunakan Teknik Pendafluoran Sinar-X*. Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.

Stephen Chia (2014) Archaeological Research at Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah in 2007. *Sabah Society Journal Vol. 31 (2014) 00–00*

Tang, S. (2017). On being indecisive: Functionalist antecedents and processes in the psychology of indecision and indecisiveness.

Turner, JH (2017). Functionalism. *The Wiley - Blackwell Encyclopedia of Social Theory* , 1-9.

Vandiver, P., & Chia, S. (1996). The Pottery Technology from Bukit Tengkorak, a 3000-5000 Year Old Site in Borneo, Malaysia. *MRS Online Proceedings Library*, 462(1), 269-277.

## LAMPIRAN

### Lampiran A

#### Soalan Temu Bual Responden

- i. Sejauhmanakah pengetahuan tuan/puan terhadap sejarah perkembangan Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah?
- ii. Apakah pendapat tuan/puan terhadap perkembangan Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah?
- iii. Apakah jenis-jenis artifak yang ditemui di Bukit Tengkorak?
- iv. Siapakah yang bertanggungjawab dalam mengurus/memelihara/memulihara artifak-artifak yang dijumpai di Bukit Tengkorak?
- v. Apakah langkah-langkah/proses pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan di Bukit Tengkorak? Boleh jelaskan..
- vi. Sejauhmanakah keberkesanan pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan di Bukit Tengkorak?
- vii. Sekiranya berlaku vandalisme, apakah cara/langkah untuk menanganinya?
- viii. Adakah Bukit Tengkorak berpotensi menyumbang kepada pelancongan warisan di Sabah?
- ix. Adakah pihak bertanggungjawab terlibat aktif dalam memulihara dan memelihara tapak arkeologi Bukit Tengkorak?
- x. Pada pendapat tuan/puan apakah kesan/impak sosial yang mungkin dapat dirasai penduduk setempat di Bukit Tengkorak?
- xi. Apakah cadangan penambahbaikan, pemeliharaan dan pemuliharaan yang perlu dijalankan di Bukit Tengkorak?
- xii. Apakah Langkah-langkah yang dilakukan untuk menarik minat pengunjung untuk datang ke Bukit Tengkorak

## Lampiran B

### Transkrip Temu Bual Responden

#### Responden 1

Ketua Bahagian Muzium Wilayah Pantai Timur Sabah

#### Soalan 1

Bukit Tengkorak pada masa dahulu dikenali sebagai Bukit Kabogan oleh penduduk setempat dan Hood Hill oleh ahli arkeologi. Penemuan dua tengkorak dan rangka manusia moden menyebabkan Bukit Kabongan ini lebih dikenali sebagai Bukit Tengkorak oleh penduduk setempat. Telah banyak servai dilakukan di Bukit Tengkorak oleh pengkaji-pengkaji dari dalam dan luar negara bagi mengetahui geologi yang terdapat di Bukit Tengkorak untuk mencari pensejarahan yang tinggal untuk ditakrifkan dan digalurkan secara umumnya, kebanyakannya geologi di Semporna banyak terdiri daripada bukit bukau dan gunung-ganang dan merupakan bekas gunung berapi suatu ketika dahulu. Bukit Tengkorak itu sendiri adalah adalah bekas kesinambungan jaluran volkanik dari Jepun hingga Kepulauan Sulu sehingga ke Kepulauan Pasifik yang mana lebih dikenali sebagai The Pacific Rim Of Fire. Mengikut Kajian yang dilakukan oleh kumpulan penyelidik dari USM dan Jabatan Muzium Sabah selama 20 tahun telah membuktikan bahawa Bukit Tengkorak merupakan sebuah Tapak Pra sejarah yang penting di Asia Tenggara dan Kepulauan Pasifik. Kajian bersama ini bagi menguatkan lagi teori mengenai perhubungan/pertembungan budaya melalui migrasi manusia dan perdagangan maritime pada zaman Neolitik dan mencari hubungkaitnya dengan peralatan tembikar yang ditemui di Tapak Bukit Tengkorak seawal 3000 tahun yang lalu. Bukit Tengkorak ini juga dipercayai adalah bekas tapak pembuatan tembikar yang terbesar di Asia Tenggara pada zaman Neolitik.

#### Soalan 2

Tapak Arkeologi Bukit Tengkorak, Semporna telah dikaji dan ditulis pencearahannya. Merupakan bekas tapak pembuatan tembikar terbesar di Asia Tenggara yang menghubungkaitkan dengan aktiviti perdagangan meritim dan perkongsian budaya masyarakat prasejarah dari zaman neolitik sehingga zaman sejarah awal. Kebudayaan ini masih berkesimbungan seperti pembuatan tembikar (Lepok, Lapohan &etc) masih lagi ada dilakukan oleh segelintir penduduk di Semporna dan ianya dipercayai digunakan untuk majlis-majlis tertentu sahaja seperti doa selamat, majlis pertunangan dan lain-lain. Pensejarahan prasejarah

ini telah mengiktiraf Bukit Tengkorak sebagai bekas Tapak Arkeologi yang mempunyai nilai estetikanya sendiri dan harus dipelihara untuk tatapan generasi sekarang dan akan datang. Pembukaan galeri Muzium Tapak Arkeologi Bukit Tengkorak, Semporna memberi peluang kepada para pengunjung untuk menambah ilmu tentang kebudayaan prasejarah yang mendiami Semporna pada Zaman Neolitik sehingga kini.

#### Soalan 3

Artifak yang dijumpa adalah serpihan tembikar dengan hiasan berlainan, alat batu beliung, Alat repehan dan pelbagai jenis batu pemukul, beberapa jenis kulit cengkerang dan sisa tulang ikan.

#### Soalan 4

Jabatan Muzium Negeri Sabah dan Jabatan Warisan Negara

#### Soalan 5

- i. Penyelenggaraan Jadual pembersihan (harian/berkala/mingguan/bulanan)
- ii. Pemeriksaan dari semasa ke semasa
- iii. Konservasi pencegahan
- iv. Penglibatan Komuniti setempat

#### Soalan 6

Pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan di Bukit Tengkorak berkesan dan dapat mengekalkan imej Bukit Tengkorak sebagai salah satu tapak warisan di Semporna.

#### Soalan 7

Pihak Muzium tiada peruntukan undang undang dan penguatkuasaan untuk pegang waran untuk membuat tangkapan terhadap pelaku vandalisme. Dan jika perkara ini berlaku, pihak kami hanya akan memberi kuasa dan bergantung kepada pihak polis sahaja.

#### Soalan 8

Jika dilihat melalui statistik pelawat yang berkunjung ke Bukit Tengkorak tidak kira sama ada dari dalam dan luar negara setiap tahun ianya adalah memberangsangkan

#### Soalan 9

Tiada.

**Soalan 10**

- i. Mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat
- ii. Dapat menjana ekonomi penduduk setempat
- iii. Membuka tempat ruangan riadah baru seperti hiking & etc
- iv. Memberi kesedaran kepada penduduk tentang pentingnya penjagaan alam sekitar dan ekosistem

**Soalan 11**

Soalan ditujukan kepada penduduk setempat

**Soalan 12**

Mengurus tadbir dengan baik tahap kebersihan dan keselamatan serta tanpa ganggu usik nilai flora dan fauna di tapak tersebut adalah termasuk dalam skop pemeliharaan dan pemuliharaan tapak. Keberkesanan tersebut menjadi keutamaan utama dan telah mengekalkan imej dan nilai estetika Tapak Arkeologi Bukit Tengkorak

**Responden 2**

Ketua Muzium Wilayah Daerah Semporna

**Soalan 1**

Bukit Tengkorak bukanlah nama asal. Nama asalnya adalah Bukit Kabogan. Masyarakat mendaki Bukit Tengkorak yang ketika itu masih Bukit Kabogan, menemui tengkorak manusia. Lama-lama jadi bualan mulut masyarakat, maka jadilah Bukit Tengkorak.

**Soalan 2**

Sesuai untukkekalkan sejarah dan pelihara artifak. Walaupun telah dipamerkan di Galeri Warisan Bukit Tengkorak, perlu menambahkan kemudahan asas untuk keselesaan dan keselamatan pelawat.

**Soalan 3**

Artifak utama yang dijumpa adalah serpihan tembikar kerana tapak ini merupakan tapak pembuatan tembikar di Asia Tenggara pada masa itu. Tengkorak bukanlah artifak utama kerana ia merupakan tengkorak pada zaman pemerintahan Jepun.

**Soalan 4**

Jabatan Muzium Sabah dengan Kerjasama Universiti Sains Malaysia yang diketuai oleh Dr. Stephen Chia.

**Soalan 5**

Jabatan Muzium Sabah menambahbaik, memelihara artifak yang ditemui agar kekal dan dapat dipamerkan untuk masa akan datang. Galeri juga menerima dari mana-mana pihak yang ingin menyumbangkan bahan-bahan sejarah yang berkaitan dengan dengan Bukit Tengkorak sama ada cerita rakyat atau gambaran masa lalu yang berkaitan. Sekiranya ada artifak bersejarah iaitu berusia 80 tahun dahulu, pihak muzium akan menerima untuk dipamerkan dan menambahkan koleksi.

**Soalan 6**

Sebagai ketua, pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan adalah berkesan dan dapat sambutan daripada pelawat iaitu lebih kurang dua ribu pelawat dalam masa satu hari. Sambutan daripada masyarakat memainkan peranan kesan daripada pameran dan pemeliharaan yang dijalankan.

**Soalan 7**

Program gotong-royong Bersama masyarakat kampung, pelajar pelbagai peringkat iaitu tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pendidikan tinggi. Ini juga dapat menyedarkan mereka mengenai kepentingan menjaga tapak sejarah seterusnya dapat mengurangkan vandalisme.

**Soalan 8**

Pelawat yang berkunjung ke Bukit Tengkorak adalah ketiga terbanyak selain daripada Kota Kinabalu dan Sandakan

**Soalan 9**

Jabatan Muzium Sabah. Ini juga tidak akan dapat dijayakan tanpa bantuan daripada masyarakat Semporna.

### Soalan 10

Dapat mewujudkan institut Pendidikan luar bilik darjah. Pengunjung dapat belajar dan menimba pengalaman. Masyarakat menganggap aktiviti bergotong-royong sebagai salah satu aktiviti senaman. Selain itu, terdapat juga peluang kerja yang disediakan. Walaupun tidak banyak tetapi ada diberi peluang. Sesetengah daripada kakitangan adalah penduduk Semporna.

### Soalan 11

Jabatan Muzium Sabah berusaha menjaga semua artifak dan bahan pameran dengan menukuhkan Galeri Arkeologi Bukit Tengkorak. Bukit Tengkorak juga dijadikan sebagai tapak arkeologi.

### Soalan 12

Menyediakan program bersama di Bukit Tengkorak untuk mengenali dan mengetahui pameran-pameran di Bukit Tengkorak iaitu dengan penyertaan daripada sekolah dari tadika sehingga peringkat universiti. Selain itu, mengadakan lawatan rasmi.

Responden                    3

Penduduk Kampung

### Soalan 1

Setakat yang saya ketahui, Bukit Tengkorak ini sebenarnya adalah satu kawasan yang telah diusahakan oleh orang-orang tertentu yang ada hak di kampung Tampi-Tampi pada ketika itu. Tujuan orang tersebut mengusahakannya adalah untuk keuntungan bercirikan pelancongan. Tidak lama kemudian, tempat ini telah diambil alih oleh Taman-Taman Sabah.

### Soalan 2

Berdasarkan perkembangan terkini, Bukit Tengkorak ini adalah merupakan satu tempat pelancongan yang semakin berkembang dari semasa ke semasa. Jumpah pengunjung ke kawasan ini dari semasa ke semasa sentiasa meningkat. Walau bagaimanapun, jumlah pengunjung telah merosot akibat wujudnya Pandemik Covid-19, khasnya di Semporna.

### Soalan 3

Serpihan tembikar, beberapa jenis kulit cengkerang dan sisa tulang ikan.

**Soalan 4**

Pihak yang bertanggungjawab menjaga artifak di Bukit Tengkorak ialah pegawai yang menjaga Bukit Tengkorak ini

**Soalan 5**

Bergotong-royong beramai-ramai mengikut jadual

**Soalan 6**

Ia menjadi daya tarikan kepada pelancong sama ada pelancong domestic maupun antarabangsa. Mengelakkan Bukit Tengkorak serta bahan-bahan warisannya akan menggamit hati para pelancong untuk melihat sendiri tentang keunikian ciptaan masyarakat terdahulu.

**Soalan 7**

Membersihkan kesan vandalisme dengan cara bergotong-royong

**Soalan 8**

Kalau dilihat dengan mata kasar, Bukit Tengkorak sedikit-sebanyak menyumbang dalam pelancongan warisan di Sabah.

**Soalan 9**

Saya tidak mengetahui soal hal tersebut

**Soalan 10**

Pada pendapat saya, Bukit Tengkorak mewujudkan peluang pekerjaan dan ruang akademik dalam suasana berbeza dari bilik darjah

**Soalan 11**

Bagi saya, aspek menaiktaraf harta warisan perlu dilakukan. Sebelum Bukit Tengkorak ini diambilalih oleh Taman-Taman Sabah, ia telah diasaskan oleh Encik Almaani bin Sakkati, penduduk kampung Tampi-Tampi. Ketika itu, ia tidaklah semaju sekarang.

**Soalan 12**

Mewujudkan program-program berkaitan dengan warisan dengan lebih kerap iaitu menyasarkan golongan muda terutama di Semporna.

Responden 4

Penduduk Kampung

Soalan 1

Bukit Tengkorak ni dulu kepunyaan orang Tampi-Tampi. Mertua kepada si Sahari. Sahari ni bekas pekerja am di PPD

Soalan 2

Perkembangan Bukit Tengkorak adalah dapat mewujudkan institut akademik.

Soalan 3

Banyak serpihan tembikar sebab tempat ni dipercayai tempat penghasilan tembikar pada zaman dahulu

Soalan 4

Setakat yang saya tahu, orang yang bertanggungjawab menjaga Bukit Tengkorak ini pihak Taman-Taman Sabah. Tapi pada masa kini, saya tidak tahu.

Soalan 5

Kami beramai-ramai dengan penduduk kampung bergotong-royong membersihkan apa yang patut.

Soalan 6

Semangat mencintai dan menghargai sesuatu warisan dalam jiwa generasi pada masa sekarang boleh dipupuk. Semangat ini akan wujud dengan sendirinya seandainya generasi muda boleh melihat hasil usaha orang-orang, komuniti atau masyarakat tertentu dalam usaha mewujud dan mengekalkan warisan yang tercinta seperti Bukit Tengkorak, Semporna ini.

Soalan 7

Mencegah si pelaku agar tidak melakukan perbuatan vandalisme

Soalan 8

Ya. Ramai pelancong yang datang terutama di Semporna.

Soalan 9

Saya tidak tahu.

Soalan 10

Pendidikan secara percuma. Kesedaran dalam diri itu perlu ada kerana galeri Bukit Tengkorak memperlihatkan gambaran kehidupan masyarakat prasejarah.

Soalan 11

Mewujudkan kesedaran di kalangan orang awam terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam semulajadi adalah penting. Pengunjung yang datang ke sini (Bukit Tengkorak) sepatutnya tidak membuang sampah di merata-rata tempat untuk mengekalkan keaslian dan keindahannya.

Soalan 12

Program lawatan sambal belajar dari sekolah-sekolah dapat menarik minat serta memberi pendedahan mengenai tapak prasejarah yang terdapat di Semporna.

Responden 5

Penduduk Kampung

Soalan 1

Tapak bersejarah. Banyak tengkorak. Banyak juga artifak yang dijumpa di sana (Bukit Tengkorak). Ada tembikar yang dibuat dari tanah liat

Soalan 2

Ramai pelancong yang datang.

Soalan 3

Setakat yang saya tahu, banyak serpihan tembikar yang dibuat dari tanah liat dijumpa di Bukit Tengkorak ini.

**Soalan 4**

Setakat saya ketahui, Bukit Tengkorak dibawah pengawasan Taman-Taman Sabah di Semporna.

**Soalan 5**

Tidak banyak yang saya tahu. Apa yang saya tahu, kami hanya bergotong-royong Bersama.

**Soalan 6**

Usaha pentadbir dapat mengekalkan imej Bukit Tengkorak sebagai tapak warisan di Semporna dari dulu hingga kini.

**Soalan 7**

Pihak pentadbir akan menguruskannya.

**Soalan 8**

Pada pendapat saya, ya Bukit Tengkorak menyumbang kepada pelancongan di Sabah.

**Soalan 9**

Saya tidak tahu.

**Soalan 10**

Nilai keaslian alam semula jadi hendaklah dikekalkan. Warisan alam semulajadi seperti Bukit Tengkorak memiliki keaslian alam semulajadi yang tinggi dan tidak ada pada warisan alam semulajadi yang lain di negara kita aini. Oleh yang demikian, Bukit Tengkorak ini mungkin menjadi sumber inspirasi kepada orang-orang, komuniti atau masyarakat tertentu untuk membina atau mewujudkan warisan alam semulajadi yang lain yang bukan sahaja indah malah mempunyai nilai keaslian alam semulajadi yang sangat mengagumkan.

**Soalan 11**

Melaksanakan penghutanan semula di tempat-tempat tertentu di kawasan warisan alam semulajadi. Penghutanan semula adalah aktiviti menanam semula hutan yang telah ditebang dengan spesis pokok yang cepat sembah. Menerusi kaedah ini, kelembapan suhu dapat dikekalkan. Sepanjang perjalanan menaiki tangga ke puncak Bukit Tengkorak, memang terasa

bahang cahaya matahari. Oleh itu, penghutanan semula di sepanjang perjalanan menuju ke puncak Bukit Tengkorak boleh menyebabkan pengunjung berasa selesa.

#### Soalan 12

Menarik minat pengunjung dengan cara melaksanakan program berdasarkan warisan dari semasa ke semasa. Ini akan memberi kesedaran kepada masyarakat sekeliling.

#### Responden 6

Penduduk Kampung

#### Soalan 1

Bukit Tengkorak adalah kawasan pelancongan, tempat *hiking*. Tapi apa yang saya tahu, pernah ada tengkorak yang dijumpa di Bukit Tengkorak satu ketika dahulu.

#### Soalan 2

Bukit Tengkorak dapat dijadikan sebagai tempat riadah.

#### Soalan 3

Daripada nama kita sudah tahu, tengkorak manusia dijumpai di puncak Bukit Tengkorak oleh orang kampung.

#### Soalan 4

Bukit Tengkorak pernah diusahakan oleh Taman-Taman Sabah. Untuk masa kini, saya tidak tahu pihak mana yang bertanggungjawab untuk menguruskan Bukit Tengkorak.

#### Soalan 5

Setakat yang saya ketahui, penduduk kampung bersama-sama bergotong-royong di Bukit Tengkorak.

#### Soalan 6

Pada saya, pengurusan oleh pihak bertanggungjawab adalah berkesan kerana Bukit Tengkorak masih lagi beroperasi sehingga ke hari ini dan mengekalkan keunikannya sebagai tapak warisan.

**Soalan 7**

Hal ini akan diuruskan oleh pihak yang bertanggungjawab di Bukit Tengkorak.

**Soalan 8**

Ya.

**Soalan 9**

Saya tidak tahu.

**Soalan 10**

Peluang pekerjaan dibuka kepada masyarakat.

**Soalan 11**

Kerajaan hendaklah mewujud dan melaksanakan dasar atau perundangan yang berkaitan dengan usaha memelihara sesuatu warisan. Dasar atau undang-undang tersebut bukan sahaja dibentuk malah mestilah dilaksanakan agar semua langkah memelihara dan memulihara warisan mencapai matlamatnya. Selain itu, menambahkan kemudahan asas seperti air dan tandas.

**Soalan 12**

Melaksana kempen-kempen warisan ketika perayaan tahunan Pesta Lepa-Lepa.

**Responden 7**

Penduduk Kampung

**Soalan 1**

Saya pernah datang ke Bukit Tengkorak. Ada pameran artifak di galeri sebelum mendaki. Tempat ini juga pernah menjadi sebahagian dari gunung berapi.

**Soalan 2**

Perkembangan di Bukit Tengkorak sedikit sebanyak memudahkan pengunjung untuk memahami sejarah Bukit Tengkorak.

**Soalan 3**

Pelbagai jenis batuan, ada juga tengkorak manusia. Batu nisan dan pelbagai jenis peralatan dapur dipamerkan dalam galeri.

**Soalan 4**

Setakat yang saya ketahui, artifak yang dijumpa di simpan dalam galeri warisan Bukit Tengkorak yang terdapat di kaki bukit.

**Soalan 5**

Penduduk kampung bekerjasama dalam bergotong-royong pada masa-masa tertentu.

**Soalan 6**

Setakat yang saya ketahui, usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan adalah berkesan kerana Bukit Tengkorak masih lagi beroperasi sehingga kini. Tetapi buat masa ini Bukit Tengkorak tidak dibuka kepada pengunjung untuk mengelakkan penukaran Covid-19.

**Soalan 7**

Langkah menangani vandalisme ini dilakukan oleh pihak pentadbir yang bertanggungjawab ke atas Bukit Tengkorak.

**Soalan 8**

Ya. Ramai pelancong antarabangsa dapat dilihat terutama di Semporna.

**Soalan 9**

Saya tidak mengetahui akan hal tersebut,

**Soalan 10**

Memudahkan masyarakat setempat menjalankan sesuatu kajian. Bagi anak-anak Semporna yang mengkaji tentang sesuatu warisan, terutama yang berkaitan dengan warisan Bukit Tengkorak, Semporna maka mudahlah bagi mereka untuk menjalankan kajian di Bukit Tengkorak, Semporna sekaligus mengurangkan kos mereka.

### Soalan 11

Keprihatinan dan Kerjasama pelbagai pihak terhadap betapa pentingnya memelihara dan memulihara sesuatu warisan hendaklah diwujudkan. Kerajaan, pihak swasta serta pemimpin komuniti sepatutnya prihatin tentang kepentingan memelihara sesuatu warisan. Berdasarkan senario ini, kumpulan atau pihak seperti dinyatakan di atas hendaklah bekerjasama melaksanakan usaha memelihara dan memulihara sesuatu warisan agar ia terus terpilihara dan berkembang pesat.

### Soalan 12

Langkah menarik minat pengunjung dengan cara program lawatan dari sekolah. Ini akan memberi kesedaran kepada golongan muda.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## Lampiran C

### Surat Kebenaran Menemubual



UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN  
Bukit Tengkorak  
Jalan Tampi-Tampi  
SK Lihak-Lihak No 46  
91309 Semporna  
Sabah

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan II (CFT4134). Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenaan	Program
1	Fadzirah Binti Samman	C17A0048	970923-12-6144	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD  
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)